



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 45

RABU 10HB NOBEMBER, 1982.

1403 رابو 23 محرم

PERCHUMA

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih menyeru masharakat China agar sentiasa menunjukkan taat setia penoh kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda.

Mereka di-gesa menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya menyesuaikan diri dengan kehendak2 dan aspirasi negeri ini dengan mempelajari bahasa Melayu dengan sungguh2 dan memelihara dan mengamalkan unsur2 keBruneian sa-bagai chara hidup dan warithan orang2 Brunei.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian di-pembukaan rasmi bangunan tadika/pentadbiran serta bangunan asrama guru2 dan perayaan ulang tahun yang ke-60 Sekolah Menengah Chung Hwa di-sini Sabtu lalu.

Mengingatkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena perayaan Keputeraan Baginda yang baru lalu, Yang Teramat Mulia menggesa orang2 China supaya berikhtiar menolong pengusaha2 yang terdiri dari orang2 Melayu dalam bidang2 yang mereka nampak kekurangan dengan jujur dan menurut undang2 negeri ini.

Keadaan di-negeri ini, sabda Yang Teramat Mulia ada-lah sangat2 mengizinkan bagi orang2 yang ingin berusaha dan mempunyai semangat untuk maju ka-hadapan di-bidang perniagaan dan perusahaan dan tidak terkechuali pelajaran.

"Pencapaian tahap kemajuan yang tinggi dalam perniagaan dan perusahaan di-kalangan orang2 China berpuncha dari semangat suka berdikari, rajin dan tekun yang mana telah menjadikan mereka sukar untuk di-saingi oleh mereka yang baru munchol di-bidang2 yang di-maksudkan," jelas Yang Teramat Mulia.

Yang Teramat Mulia juga menyeru masharakat China di-negeri ini supaya menyedari hakikat keadaan negeri ini sa-hingga membolehkan mereka menchapai satu tahap kehidupan.

Lihat muka 20

Masharakat China di-seru:

TUNJOKKAN TAAT SETIA PENOH

*Bidang ketenteraan
perlukan
kesempurnaan*

PERKHEMAHAN BOLKIAH.—Bidang ketenteraan, seperti profesyen2 yang lain, memerlukan kesempurnaan dalam menjalankan suatu tugas, keperibadian dan disiplin yang tinggi serta pembawaan atau tingkah laku yang senonoh dan tidak berchanggah dengan adat resam negeri serta tidak melanggar hukum2 ugama.

Demikian telah di-sabdakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli

Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih di-upa-chara perbarisan tamat lathen bagi rekrut pengambil ke-57 Askar Melayu Diraja Brunei pagi Jumaat lepas.

Yang Teramat Mulia salanjut-nya mengingatkan kepada 107 orang rekrut tersebut bahawa lathen asas yang mereka jalani itu tidak-lah bererti mereka mempunyai pengetahuan yang menchukopi.

Malahan, sabda Yang Teramat Mulia itu lagi, pengetahuan asas yang diperolehi itu merupakan perintis untuk mempelajari lebih banyak lagi ilmu ketenteraan yang sa-makin meluas.

Yang Teramat Mulia salanjut-nya memuji tahap kecekapan yang tinggi yang telah di-tunjokkan oleh para rekrut di-dalam perbarisan itu.

Yang Teramat Mulia bersabda, "Walau pun enam bulan ada-lah merupakan masa yang singkat bagi sa-suatu lathen, tetapi Awang2 telah mengikuti bermacam-macam lathen dan memperolehi berbagai-bagai pengalaman. Awang2 di-asoh, diajar dan di-pimpin oleh juru-lathen2 yang berpengalaman sa-hingga kamu semua memperoleh bermacam-macam kemahiran sa-bagai asas pengetahuan yang di-perlukan oleh sa-buah pasukan bersenjata di-Negeri Brunei ini."



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih memeriksa barisan rekrut yang telah menamatkan lathen mereka pada hari Jumaat lepas.



Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam bte Haji Abdul Aziz.

KOLONEL KOMANDAN PASOKAN ASKAR WANITA

MENJUNJONG sabda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pegawai Pemerintah Tertinggi Askar Melayu Diraja Brunei, dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dengan amat sukachita memaklumkan bahawa Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz di-lantek menjadi Kolonel Komandan, pasokan Askar Wanita pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Nilai semula sa-takat mana pengakap menemui matalamat-nya

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menekankan betapa perlu-nya belia2 yang sedang berkechimpung dalam pergerakan Persekutuan Pengakap memulakan penilaian semula pada memastikan bahawa galakan dan peruntukan kewangan yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah DYMM akan menchapai sasaran-nya

bagi menolong memperchepat sepenoh-nya pencapaian dasar Kerajaan dan mengujudkan satu badan belia yang bertanggung-jawab, berdisiplin dan dinamis bagi menuju ka-arah masharakat yang di-hajati.

Di-samping menghargai sumbangan para pengakap dan pandu puteri sa-lama itu, beliau menggesa, Persekutuan Pengakap Negeri Brunei agar mengorak langkah bagi menilai semula sa-takat mana pergerakan sa-umpama itu telah menemui matalamat dan sumbangan khidmat yang di-chapai, agar kegiatan para pengakap tidak terbatas kepada musim atau sempena2 yang tertentu, tetapi biar-lah merupakan satu penggerak pada sa-tiap masa yang mempunyai renchana dan khidmat yang berterusan.

Kata-nya, "Ada-lah wajar supaya pehak yang berkenaan menjalankan penelitian semula ka-atas penyertaan penuntut2 di-bidang pergerakan pengakap dan pandu puteri pada memastikan ujud-nya faedah yang sa-benar khas-nya dari segi matalamat pendidekan."

Lihat muka 20

Manis-nya Iman

"DI-ANTARA nikmat Allah kepada sa-seorang lelaki itu ia-lah anaknya menverupai-nya." — HADITH Nabi riwayat Ad-Dilmi daripada Sa-vidina Ali (r.a.).



Pelita Brunei
DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

10HB. NOBEMBER, 1982

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KESELAMATAN JALAN RAYA:

YANG DI-KEHENDAKI IA-LAH SAMBUTAN MENYELUROH.

Kempen menarek perhatian orang ramai kepada kepentingan keselamatan jalan raya telah di-buat dalam berbagai chorak. Di-kalangan murid2 sekolah kempen di-adakan sa-tiap tahun dalam chorak permainan lalu lintas yang di-peradukan sa-sama mereka.

Baik apa pun chorak kempen-nya dan kepada siapa pun ia di-tujukan kesan-nya bergantung kepada banyak faktor. Dalam hal keselamatan di-jalan raya kesan sa-barang kempen mengenai-nya bukan sahaja bergantung kepada faktor ketetapan chorak dan persembahan-nya bahkan yang penting ia-lah sambutan yang menyeluruh semua perengkat pengguna2 jalan raya. Dalam erti kata sambutan yang menyeluruh itu ia-lah pengguna2 mengambil tindakan yang positif sa-chara mematuhi peraturan2 lalu lintas dan sentiasa berwaspada bagi mengelakkan kemungkinan sa-barang bahaya. Kewaspadaan di-kehendaki ia-lah kerana mengambil kira bahawa memang akan ada kepadatan sa-tengah2 pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan lalu lintas atau chuai sa-masa berada di-jalan raya. Sebab itu-lah kemalangan2 yang terjadi di-dapati berpuncha dari kekhuaian dan juga tidak mematuhi peraturan2 lalu lintas yang di-buat ka-atas jalan2 raya atau pun ka-atas kenderaan2.

Sa-takat ini kita boleh di-katakan berjaya mengadakan berbagai-bagai kempen keselamatan jalan raya. Kejayaan2 itu ia-lah pada menarek perhatian dan minat orang ramai kepada kepentingan keselamatan nyawa dan harta benda sa-masa berada di-jalan raya. Tetapi menilik kepada kejadian2 kemalangan jalan raya yang berlaku dari sa-masa ka-sesama kita terpaksa pula mengakui bahawa perhatian dan minat sahaja belum bererti wujud-nya kesedaran yang di-sertai dengan tindakan. Orang2 yang terlibat dalam satu2 kemalangan tentu sudah lebih awal mengetahui akan bahaya2 sedang dalam masa yang sama mereka tidak mengambil langkah2 keselamatan sa-bagaimana yang di-perlukan. Itu-lah sa-bahagian daripada apa yang di-sebutkan kekhuaian yang terpaksa di-bayar sama ada dengan kerosakan harta benda, kechachatan anggota tubuh badan dan bahkan tidak kurang pula dengan kehilangan nyawa.

Dan dalam ertikata sambutan yang menyeluruh itu juga ia-lah tindakan penguatkuasaan undang2 dan peraturan yang tegas. Hal ini sama kedudukan-nya dengan memelihara keadaan jalan raya dan juga jalan2 yang di-lalui oleh kenderaan dan lain2 pengguna supaya sentiasa berkeadaan selamat untuk di-gunakan. Bukan tidak pernah kepadatan pemandu2 dan pengguna2 jalan raya tidak diberi cukup kesempatan untuk mengambil langkah2 yang lebih awal apabila berada di-jalan2 raya tertentu dimana ketika itu kerja2 membaiki-nya atau kerja2 lain sedang di-buat di-situ. Tanda2 yang cukup sa-bagai amaran baik di-waktu siang mahu pun di-waktu malam sa-olah2 di-buat seada2-nya. Sa-lain dari itu ada pula jalan2 yang sudah lama di-gunakan dan sentiasa di-pelihara keadaan-nya tetapi belum cukup dengan tanda2 dan arahan2 lalu-lintas yang patut di-ikuti oleh pengguna2.

Faktor keadaan jalan raya yang sentiasa selamat untuk di-gunakan dan langkah2 yang tegas pada penguatkuasaan undang2 dan peraturan2 lalu lintas sangat penting dalam menjayakan sebarang kempen yang bertujuan menarik perhatian orang ramai kepada kepentingan memelihara keselamatan sa-masa berada di-jalan raya. Kedua2-nya di-sifatkan sa-bagai faktor yang sangat berupaya untuk meyakinkan tentang kesungguhan pehak2 yang menganjurkan kempen. Sebab pengguna jalan raya sa-lain akan terdorong oleh kesedaran-nya sa-bagai pengguna tentu sahaja akan mendapat kekuatan bagi mengukuhkan kesedaran-nya itu apabila mendapati keadaan dan kedudukan jalan raya benar2 menepati kehendak2 keselamatan yang di-kempenkan dan dalam masa yang sama ia menyedari bahawa peraturan dan undang2 sentiasa berkuatkuasa.

ALHAMDULILLAH, Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan seluruh alam dengan rahmat-Nya. Salawat dan salam ka-atas Nabi Muhammad s.a.w. yang telah menjalankan tanggung-jawab-nya dengan penoh beranchana.

Terlebeh dahulu saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Yang Dipertua Persekutuan Pengakap kerana menjemput saya hadir ka-Majlis Penyampaian Pingat2, Bar2, Lenchana Perhiasan2 Pengakap dan Sijil2 ini dan juga kerana memberi saya penghormatan untuk menyampaikan pingat2 tersebut.

Dalam kesempatan ini saya turut menyampaikan ucapan tahniah kepada pengakap2 yang akan menerima pingat2 yang di-sebutkan, mudah-mudahan-lah pemberian pingat2 itu akan menambah keghairahan pengakap2 sekalian pada menyemarakkan lagi pergerakan pertubuhan sa-rupa ini di-Negeri Brunei, kerana keinginan untuk melihat pergerakan pengakap dan pandu puteri yang lebih berkesan itu ada-lah juga menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang mana sa-jauh ini telah menyediakan peruntukan kewangan yang tertentu semata-mata pada mengharapakan supaya kegiatan2 pengakap dan pandu puteri dari sa-masa ka-sesama akan bertambah kemas dan dapat di-munafaatkan sa-bagaimana sa-layak-nya.

MENILAI SEMULA

Oleh yang demikian disamping menghargai sumbangan para pengakap dan pandu puteri sa-lama ini, saya menyarankan ada-lah sesuai bagi Persekutuan Pengakap Negeri Brunei mengorak langkah bagi menilai sa-mula sa-takat mana pergerakan seperti ini telah menemui matalamat sumbangan dan khidmat yang sepatut-nya di-chapai, agar kegiatan para pengakap sekalian tidak-lah terbatas kepada musim atau sempena2 yang tertentu sahaja, akan tetapi biarlah merupakan satu penggerak yang sa-tiap masa mempunyai renchana khidmat yang berterusan. Sa-hubungan dengan ini Kerajaan ada-lah menyedari bahawa ahli2 yang terlibat dalam pergerakan pengakap dan pandu puteri di-Brunei termasuk-lah juga belia2, muda-mudi dan penuntut2 yang maseh di-bangku sekolah.

Pengakap di-ingatkan:

SESUAIKAN KEGIATAN DENGAN ADAT RESAM DAN BERSENDI SHARA'

BERIKUT ia-lah ucapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dalam Majlis Penyampaian Pingat2, Bar2, Lenchana Perhiasan2 Pengakap dan Sijil pada hari Jumaat, 5hb. Nobember, 1982 bertempat di-Dewan Ibupejabat Pengakap, Gadong.

Oleh itu ada-lah wajar supaya pehak yang berkenaan menjalankan penelitian sa-mula ka-atas penyertaan penuntut2 di-bidang ini pada memastikan ujud-nya faedah yang sa-benar khas-nya di-tinjau dari segi matalamat pendidikan. Dan bagi lain2 belia yang sedang berkecimpung dalam pergerakan ini saya sa-kali lagi menekankan betapa perlu-nya Persekutuan Pengakap memulakan penilaian sa-mula itu pada memastikan bahawa galakan dan peruntukan kewangan sentiasa disediakan oleh Kerajaan itu akan mencapai sasaran-nya khas-nya dari segi menolong mempercepatkan pencapaian sa-penoh-nya dasar Kerajaan yang telah menegaskan akan memupok dan mengujudkan satu badan belia yang bertanggung-jawab, berdisiplin dan dinamik sa-bagai unsur2 kema-juan dan sa-terus-nya sa-bagai salah satu asas2 kemajuan kepada masyarakat yang di-hajati.

MATALAMAT

Para pengakap dan pandu puteri sekalian barang sa-tentu-nya menyedari bahawa matalamat asal penubuhan pengakap dan pandu puteri yang pelopori oleh Lord Baden-Powell dan Agnes Baden-Powell pada tahun 1907 dan 1909 ada-lah mempuyai beberapa rukun yang antara-nya ia-lah melaksanakan tanggung-jawab kepada Allah, menjalankan kewajipan kepada negeri dan berkhidmat kepada masyarakat. Sumpah pengakap juga sa-terus-nya mengikrarkan untuk memelihara jasmani yang chergas, rohani yang kukuh dan peribadi yang tegoh, di-samping sikap yang sentiasa "Siap Sedia" untuk berjasa atau "Be Prepared" seperti yang menjadi motto kepada pertubuhan pengakap di-dunia.

Saya berharap dalam sa-barang penilaian sa-mula terhadap pergerakan pengakap dan pandu puteri di-negeri ini, tinjauan hendak-lah di-buat supaya akan ujud ranchangan2 yang tersusun dan berterusan munafaat-nya kepada negeri dan masyarakat, serta hendak-lah sasaran dan matalamat-nya itu lebih jelas dan sa-imbang dengan keperluan dan identiti keBruneian kita.

Kelima-lima rukun pengakap tadi memang-lah elok di-jadikan sa-bagai 'starting point' atau landasan bagi pergerakan sa-rupa ini di-masa2 hadapan jika kegiatan-nya ingin mendapat restu dan sokongan Kerajaan yang berterusan. Akan tetapi ada-lah wajar rukun pertama yang bertalian dengan tanggung-jawab kepada Allah itu di-selaraskan dengan kehendak2 Perlembagaan negeri ini yang menchatetkan Islam sa-bagai agama rasmi.

Menurut hemat saya apa jua ranchangan ka-arah ini, sayugia-lah mengambil kira pembentukan diri penuntut dan belia yang di-asoh melalui lunas2 ugama, pada mithal-nya ia-lah kemungkinan mengadakan skim kegiatan yang menyedikitkan dan sa-chara beransor-ansor mengkhhususkan bidang2 pergerakan yang berasangan antara pengakap di-satu lapangan dan pandu puteri di-lain ketika. Ini ia-lah pada mengingat bahawa pertubuhan seperti ini di-Brunei sudah sa-layak-nya menyemai asohan kepada ahli2-nya khas-nya penuntut2 dan belia2 yang menyertai-nya tentang adat resam keBruneian yang bersendi shara'; di-mana kekuatan orang2 Brunei itu pada keseluruhannya antara lain ia-lah kerana terdapat-nya sopan santun yang lebih menyela-matkan kedudukan lelaki dan status wanita.


PEGANGAN HIDUP

Demikian juga ikrar pengakap bagi kecher-dasan jasmani, keding-gian rohani dan ketegohan peribadi harus-lah pula di-sesuaikan dengan pegangan hidup ketimuran yang di-amalkan di-Brunei, pada mithal-nya keberanian Persekutuan Pengakap ada-lah di-perlukan untuk mendekatkan chorak pergerakan ini sa-bagai sa-buah pertubuhan orang2 Brunei yang lazim-nya memelihara maruah muda-mudi-nya sesuai dengan iklim dan suasana negeri kita sendiri. Ka-arah ini, pada hemat saya dan sa-bagaimana yang ada di-negeri2 lain, pakaian pandu puteri tidak-lah sa-mesti-nya mengikut satu2 trend yang tertentu, maka ada-lah lebih bersempurnaan supaya uniform pandu puteri mula di-fikirkan supaya gadis2 Brunei yang menjadi ahli-nya itu lebih berpijak di-bumi Brunei dan bukan-lah mencher-minkan chara hidup orang lain.

Sesungguh-nya tanggung-jawab membentok masyarakat kita yang maju dengan tidak mengorbankan nilai2 ke-Bruneian tidak-lah sepatut-nya di-anggap menjadi tugas Kerajaan sa-mata-mata, bahkan hendak-lah di-pikul oleh semua orang termasuk-lah persatuan2 kebangkisan, belia dan pertubuhan2 awam yang lain menurut bidang dan keupayaan masing2, sebab sa-jauh ini semua orang sudah terlalu banyak berharap dan membuat pandangan, maka telah tiba sa-at-nya supaya sa-tiap orang lebih terlibat dan menyertai usaha2 yang di-pelopori oleh Kerajaan bagi mencapai kema-juan masyarakat dan pembangunan negara di-atas lunas2 kebajikan yang berteraskan identiti keBruneian.

Sekian-lah dan sa-kali lagi saya ucapkan terima kasih.

302 ORANG LAGI MENERIMA PINGAT KERJA LAMA



YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan Pingat Kerja Lama (Pulis) kepada Supt. Dato Seri Laila Jasa Haji Yaakub bin PMDR Haji Zainal (atas) dan Pingat Kerja Lama (Awam) kepada Awang Haji Johari bin Haji Johan (Bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN — Satu lagi Majlis Penyampaian Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei yang telah dikorbankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersempena hari Keputeraan Baginda yang ke-36 tahun.

Majlis penyampaian Pingat2 kepada 302 orang pegawai dan kakitangan Kerajaan itu telah disempurnakan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar bagi pehak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, bertempat di-Dewan Persantapan Lapau di-sini

pada hari Rabu minggu lalu.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 280 orang menerima Pingat Kerja Lama dan 22 orang menerima Pingat Kerja Lama Polis.

Majlis tersebut diakhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Kadhi Besar, Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal.

Hadhir di-majlis tersebut ialah YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Peguam Negara, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Mufti Kerajaan, YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, YB Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Pehin2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan. — MHM



YAB Pemangku Menteri Besar menyampaikan Pingat Kerja Lama kepada Pg Mustapha bin Pengiran Metassan (atas) dan Awang Hanafi bin Haji Jofri.



BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-tengah dari sikap masyarakat Islam yang boleh melambatkan terlaksana-nya penghayatan Islam sa-chara menyeluruh ialah kurang menyedari dan memahami ajaran2 Al-Kor'an yang sebenar2-nya, sa-hingga apabila Mufti Kerajaan Brunei mengeluarkan fatwa mengenai hukum sembahyang kadha dan sunnat, ada sa-bahagian kechil orang2 Islam sa-olah2 membantah fatwa tersebut, pada hal fatwa itu berdasarkan Al-Kor'an dan Hadith2 Nabi s.a.w. dan pendapat2 ulama yang mashur.

Kadhi Besar Brunei, YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal menegaskan demikian ketika berucap sa-belum merasmikan Pertandingan Membaca Al-Kor'an dan Irama2 Da'awah kali yang ketiga Raya bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Ahad, 31hb. Oktober, yang lalu.

YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid menyatakan di-samping umat Islam perlu mempelajari bahaan2 Al-Kor'an kena-lah pula merka2 di-dalam Al-Kor'an supaya kita memperoleh petunjuk dan pimpinan2-nya ka-arah mencapai kesejahteraan hidup di-dunia dan akhirat.

Menyentuh tentang tema peraduan tersebut, "Al-Kor'an



Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid berucap sa-jurus sa-belum merasmikan peraduan tersebut.

Memimpin Kesejahteraan Umat" tidak shak lagi Al-Kor'an yang di-turunkan oleh Allah s.w.t. membawa manusia dari jalan2 yang sesat ka-jalan2 yang

lurus dan membawa manusia dari gelap kepada terang.

Bagi kita Umat Islam, jelas YB Pehin Datu Imam, patut-lah bersukur kerana Kebawah DYMM telah pun berkenan menjadikan Islam itu sa-bagai ideologi negara dan chara hidup orang2 Brunei. Langkah bijak ini perlu-lah mendapat sokongan umat Islam seluruh-nya supaya tujuan dan matalamat sa-besar ini dapat di-chapai dengan sempurna.

"Manakala raayat dan penduduk yang bukan beragama Islam tiada perlu bimbang dengan tujuan yang mulia itu kerana petunjuk2 Al-Kor'an tidak menindas orang2 yang bukan Islam yang di-bawah Kerajaan Islam. Mereka hanya-lah di-perlukan memberi kerjasama bagi menegakkan chita2 yang baik itu di-dalam bidang yang mereka itu di-perlukan mendokong-nya menurut ajaran Islam," jelas-nya.

YB Pehin Datu Imam berkata

umat manusia di-zaman ini patut mengkaji sejarah umat2 dahulu untuk memastikan kebenaran hakikat bahawa Al-Kor'an pernah melahirkan umat manusia yang benar2 sejahtera. Buktinya, kata beliau, sa-belum Al-Kor'an di-jadikan pegangan dan chara hidup umat manusia ia-itu umat Islam di-zaman silam, umat manusia pada umom-nya dalam keadaan sesat. Purata umat manusia di-Timor, Barat, Utara dan Selatan tidak mengenali Tuhan Yang Maha Esa lalu mereka menyembah dan mengabdikan kepada berbagai2 benda dan makhluk2 Tuhan yang tiada memberi munafat dan tiada menyebabkan mudharat.

Maka kata-nya, berleluasa-lah hawa nafsu manusia tiada ter-pimpin oleh ajaran2 yang lurus dari Allah Ta'ala lalu meluas-lah kejahatan, peperangan, pergaduhan di-kalangan berbagai2 bangsa, puak dan golongan.

"Tetapi apabila Al-Kor'an telah menjadi pegangan dan chara hidup umat manusia ia-itu umat Islam, bukan hanya kesannya di-rasakan oleh umat Islam bahkan meliputi seluruh umat manusia yang hidup di-bawah naungan Al-Kor'an dan pemerintahan umat Islam, kerana umat Islam itu telah memerintah dengan penoh keadilan, toleransi dan timbang rasa sesuai dengan petunjuk2 Al-Kor'an sa-hingga rahmat-nya terasa kepada sekalian umat baik Islam atau pun tidak.

Pada zaman kegemilangan Islam tiada di-dapati sa-orang pun raayat Islam yang miskin untuk di-berikan zakat dan ini menunjukkan Kerajaan Islam ketika itu telah berjaya menegakkan kemakmoran hidup kepada raayat-nya. Begitu juga dengan perkembangan ilmu pengetahuan sa-hingga ramai pelajar2 yang bukan Islam menuntut di-pusat2 pengajian tinggi Islam," jelas Pehin Datu Imam.

"Tetapi apabila umat Islam meninggalkan petunjuk2 dan ajaran Al-Kor'an lalu mereka jatuh ka-satu tahap yang sukar



YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali sedang menyampaikan hadiah kepada Johan Musabaqah Al-Kor'an, Awang Suhaili bin Haji Tarif. Ini merupakan kejayaan beliau bagi tahun yang kedua-nya dalam peraduan seumpama itu.

untuk bangun semula, ini jelas di-buktikan hingga ka-hari ini dimana umat Islam di-seluruh dunia berpecah-belah dan lemah dalam serba-serbi-nya dan setengah2-nya terhalau dari tanah ayer mereka dan kita juga terpaksa menimba ilmu pengetahuan sains dan teknologi dari umat2 yang bukan Islam sa-telah menjadi penghulu dalam kemajuan ilmu pengetahuan."

"Shukur-lah di-masa yang akhir2 ini telah timbul semula kesedaran umat Islam terhadap pimpinan Al-Kor'an dan kepen-tingan ajaran2 Islam."

YB Pehin Datu Imam meng-gegas semua umat Islam di-negeri ini supaya jangan lalai daripada terus menerus meningkatkan usaha2 bagi memahami ajaran2 Al-Kor'an supaya kita sekalian dapat petunjuk2 yang sa-benar dalam semua aspek kegiatan hidup serta bersedia melaksanakan segala petunjuk2 itu dengan jujur, ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Sesungguh-nya usaha2 Jabatan Kerja Raya mengadakan peraduan2 tersebut ada-lah mencer-minkan satu kesedaran Pegawai2 Kerajaan Kebawah DYMM dalam melibatkan diri ka-arah menyebar dan mening-gikan shi'ar2 Islam yang sememang-nya di-hajati oleh negara kita dalam usaha2 menghayati Islam dengan sebenar2-nya, tambah beliau.

Terdahulu dari itu ucapan alu2an telah di-sampaikan oleh Pengerusi Pertandingan, Awang Emran bin Haji Abd. Aji. Sa-buah sharahan khas telah di-sampaikan oleh Awang Haji Abd. Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Johan bahagian lelaki dalam-Musabaqah Al-Kor'an di-sandang oleh Awang Suhaili bin Haji Tarif, naib johan Awang Haji Omar bin Haji Metassin dan tempat ketiga Awang Abdullah bin Haji Metali.

Bahagian wanita johan di-menangi oleh Dy. Kustina bte Ma'arif, naib johan Dy. Siti Aminah bte Haji Mohiddin dan tempat ketiga johan kapada Dy. Norsalam bte Haji Lamit.

Sementara bahagian Pertan-dingan Irama Da'awah, johan di-sandang oleh Kumpulan Irama Da'awah Noor Fakhirna Al-Islam, naib johan Kumpulan Irama Da'awah Arqus dan tempat ketiga Kumpulan Irama Da'awah Seri Indera.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud. Antara yang hadir di-majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman, Pegawai2 Kanan Jabatan Kerja Raya serta kakitangan jabatan tersebut. — MHM.



Kumpulan Irama Dakwah Noor Fakhirna Al-Islam yang di-ketuai oleh Awang Adinin bin Haji Mayalin telah muncul sa-bagai Johan.

MEMBENA MASJID T-JAWAB ORANG2 ISLAM

PUNI, TEMBURONG. — Mendirikan masjid tidaklah semesti-nya di-bebankan kepada kerajaan, malah ia-nya adalah tanggung-jawab orang2 Islam yang akil baligh yang bermastautin di-sesuatu tempat yang chukop bilangan jemaah-nya sa-bagaimana yang telah di-tentukan.

Tetapi bagi umat Islam di-negeri ini mendirikan masjid bukan-lah suatu masa'alah, kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sangat bermurah hati mengorbankan berbagai kemudahan pada perkara2 yang berkebaikan seperti mendirikan masjid2.

Ini di-tegaskan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

Beruchap sa-jurus sa-belum menyempurnakan perasmian Masjid Puni di-sini yang menjadi salah satu acara dalam sambutan kedatangan tahun baru Hijrah 1403 yang berlangsung pada 5hb. Nobember lepas, Yang Berhormat berkata:

"Dengan sebab itu tentu-lah kornia ini akan

di-terima oleh raayat dan penduduk negeri ini dengan shukor dan terima kaseh dan menjadi suatu amal jariah yang tinggi nilai-nya yang bukan hanya telah melepaskan pehak yang berkenaan daripada tanggung-jawab masing2, tetapi juga telah menekmati kemudahan masjid baru yang di-bangunkan."

Dalam menekmati kornia itu, ujar beliau, yang lebih penting ia-lah masjid ini akan dipergunakan dengan sepenoh-nya, yang bukan hanya semata2 menunggu hari Jumaat sahaja tetapi hendaklah di-dirikan sembahyang berjemaah di-dalam-nya terus menerus pada tiap2 waktu dan di-harumi pula dengan zikir2 dan wirid2.

Kita sedia maalam perasaan sa-seorang itu sering berubah2, oleh itu ia memerlukan nasehat dan tunjuk ajar untuk menyuburkan atau mengukuhkan perasaan keimanan terhadap Allah untuk memelihara umat Islam dari tergoda oleh anasir2 atau pengaruh shaitan.

HANYA SEMENTARA

Dalam pada itu semangat dan kegigihan sa-seorang itu juga biasanya hanya sementara, kalau marah masa di-

api2kan saja, kalau gigit masa menempoh sa-suatu keadaan yang menggalakkan saja.

"Keadaan ini dapat dimisalkan seperti memelihara ketajaman mata senjata yang memerlukan sapoh. Ia itu kalau mata senjata itu sudah tajam, lepas dipakai berkali2 tumpul balek. Kemudian sapoh lagi, tamuleh balek — sapoh lagi, tamuleh," demikian yang Berhormat itu membuat ibarat.

Berhubung dengan perkara ini Pengetua Pusat Sejarah itu menegaskan, khutbah yang di-bachakan oleh Khatib pada tiap2 hari Jumaat itu ada-lah salah satu nasehat atau peringatan dan pengajaran yang baik yang di-harapkan dapat memelihara dan mengukuhkan serta menambah keimanan sa-seorang itu dari masa kasemasa.

Terdahulu sa-belum itu dalam ucapan-nya, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil menyeru umat Islam di-negeri ini supaya mempelajari pelajaran2 ugama Islam dengan bersungguh2 dan mengamalkan-nya sahingga benar2 menjadi chara hidup masing2.



YB Pehin Orang Kaya Amat Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri ketika merasmikan pembukaan Masjid Kampong Puni pada hari Jumaat lepas.

Masjid Puni di-buka rasmi

TEMBURONG. — Bersempena dengan sambutan awal tahun baru Hijrah tahun ini sa-buah lagi masjid baru di-Daerah Temburong telah di-buka rasmi pada hari Jumaat lepas. Pembinaan masjid tersebut ada-lah sa-bahagian dari projek yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Negara yang menelan belanja hampir \$300 ribu.



YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd Zain ketika beruchap.

Pembukaan rasmi masjid Kampong Puni itu telah di-sempurnakan oleh YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah, Brunei. Majlis tersebut berlangsung sa-jurus sa-belum menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei yang turut hadir di-majlis itu juga telah beruchap yang antara lain menekankan di-antara maksiat atau dosa


itu ia-lah meninggalkan sembahyang fardhu atau melambatkan pada menunaikan-nya sa-hingga luput waktu-nya.

Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu berharap kepada mereka yang berkenaan berusaha dengan sa-daya upaya sa-chepat mungkin mengqadha sembahyang2 yang telah luput itu dan terus mengerjakan sembahyang2 yang fardhu pada waktu-nya.

"Maka orang yang demikian ada-lah di-kasehi Allah dan dosa-nya di-ampunkan oleh Allah dan do'a-nya di-terima oleh Allah," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu sa-belum itu Pegawai Daerah Temburong Awang Haji Zakaria bin Jeneh telah juga menyampaikan ucapan-nya. Ketika menyentoh berhubung dengan pembinaan masjid tersebut beliau berkata ia-nya ada-lah sa-bagai bukti usaha yang tidak kendor2 oleh Kerajaan Kebawah DYMM dalam menyebarkan ugama Islam.

Di-samping itu kata Awang Haji Zakaria lagi, sesuai dengan perkembangan Daerah Temburong pada masa ini dan akan datang Kerajaan kini sedang merencanakan beberapa projek termasuk-lah pembinaan bangunan2 jabatan kerajaan. Antara-nya ia-lah pembinaan Pejabat Hal Ehwal Ugama yang baru menelan belanja kira2 1.3 juta ringgit yang kini sedang giat di-jalankan.



Masjid Kampong Puni yang telah di-rasmikan pembukaan-nya pada hari Jumaat lepas.

YDM Pehin Datu Seri Maharaja menulis

PENDIDEKAN DALAM ISLAM

Siri ke-157

Kewajipan wali ia-lah mene-krangkan akan perkara2 Fardhu ain dan perkara yang membawa kebaikan dan keselamatan kepada kehidupan kanak2 pada masa2 yang akan datang.

Ada pun dalil wajib di-ajarkan anak2 kechil itu perkara yang tersebut ia-lah berdasarkan Firman Allah Ta'ala yang tafsir-nya: "Hai mereka yang beriman, jaga-lah diri kamu dan ahli kamu dari api neraka dengan berbuat ta'at kepada Allah."

Saidina Ali bin Abu Talib (Radhiallahu 'anhu), Mujahid dan Qatadah, kedua-dua-nya dari golongan Tabi'en dan dari Ulama Tafsir mengatakan tentang erti ayat Al-Kor'an ini: "Ajar-lah oleh kamu akan ahli rumah kamu itu akan perkara2 yang membawa mereka selamat dan lepas dari azab api neraka." Perkara ini dzahir dan nyata. Telah thabit dan tersebut dalam Sahih Al-Bukhari dan Muslim daripada sahabat Ibnu Umar (Radhiallahu 'anhuma) bahawa Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wasallam) bersabda yang erti-nya: "Taip2 sa-orang kamu orang Islam menjadi pengembala dan pengawal, dan ia bertanggung-jawab darihal perkara yang di-gembala dan di-kawal-nya itu (Isteri, anak2 dan lain-lain yang berada di-bawah jagaan-nya). (Hadith ini di-petik dari kitab Sahih Al-Bukhari dan Muslim).

Kewajipan Ibu

Menurut Al-Imam As-Shafi'e dan Ulama Shafi'eyah bahawa ibu itu merupakan sa-bagai wali dan wajib di-atas-nya mengajar dan mendidik anak-nya dengan didekan ugama yang sempurna, sa-bagaimana wajib di-atas ibu

memberi nafkah anak-nya tatkala keadaan mewajibkan ia berbuat demikian. Ini ada-lah sa-lain peranan yang perlu dilaksanakan oleh bapa anak itu. Kewajipan ibu dan bapa ada-lah sama terhadap anak2 khas-nya dalam memberikan didekan ugama yang betul dan nafkah yang menchukopi.

Penyakit Hati

Ada pun perkara ilmu hati ia-lah mengetahui penyakit2 hati seperti sifat yang jahat, hasad, ujud dan lain2 sa-umpama kedua-nya, berkata Al-Imam Al-Ghazali yang terkenal itu, wajib mengetahui hakikat penyakit2 hati, sebab2 penyakit hati, chara mengubat dan menyembuhkan-nya ada-lah Fardhu 'Ain.

Menurut lain2 Ulama: Jikalau orang Mukallaf itu di-korniakan Allah akan hati yang sejahtera dari penyakit2 hati yang haram lagi merosakkan diri-nya itu,

maka memadai-lah ia, dan tiada-lah mesti ia belajar chara mengubat-nya. Jika tiada selamat hati-nya dari penyakit hati, kita lihat adakah ia dapat membersehhkan hati-nya dari penyakit hati itu dengan tiada payah belajar chara membersehhkan penyakit hati, ia mesti membersehhkan penyakit hati itu dari hati-nya sa-bagaimana mesti ia meninggalkan zina dan lain2 perkara haram dengan tiada payah belajar dalil2 pada meninggalkan zina dan lain2 perkara haram itu. Dan jika ia tiada dapat meninggalkan penyakit hati itu, melainkan dengan belajar akan ilmu mengubat penyakit hati, maka ketika itu mesti-lah ia belajar akan ilmu mengubat penyakit hati itu dengan belajar dari guru yang murshid (yang betul pegangan ugama-nya).

Wallahu A'alam
(Bersambung)

UGAMA ISLAM SESUAI SEMUA ZAMAN

MARI-LAH kita terus menerus meningkatkan taqwa kita kepada Allah Ta'ala dengan sebenar-benar dengan taat menjunjung perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Kita umat Islam sedia maalom bahawa agama Islam ada-lah agama yang sempurna, agama yang sesuai menjadi chara hidup sekalian umat manusia dari segala bangsa, segala zaman dan segala tempat. Ia sesuai untuk orang2 zaman dahulu, zaman sekarang dan zaman akan datang.

Allah s.w.t telah menu-runkan agama Islam itu lengkap dengan petunjuk2 yang diperlukan oleh manusia sa-bagai makhluk yang menjadi penghuni dunia, dan agama Islam itu-lah sahaja satu2-nya agama yang diakui oleh Allah s.w.t.

Firman Allah Ta'ala kira2 maksud-nya: "Sesungguhnya agama yang di-akui di-sisi Allah Taala ia-lah Islam."

Firman-Nya dalam satu ayat Kor'an yang lain kira2 maksud-nya: "Pada hari ini telah Aku (Allah) sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan telah Ku chukopkan ka-atas kamu akan nikmat Ku dan telah Ku redhai agama Islam itu menjadi agama kamu."

Salah satu kaedah umum menurut ajaran Islam ia-lah bahawa sa-

tiap orang akan mendapat ganjaran atau balasan sesuai dengan usaha yang di-lakukan-nya. Kalau amal-nya banyak, tentu hasil-nya pun banyak. Sebalik-nya kalau amal-nya sedikit maka sedikit pula-lah hasil yang di-perolehi-nya.

BALASAN

Ketentuan demikian telah di-terangkan oleh Allah Ta'ala di-dalam surah An-Najim ayat 39 hingga 41, firman-Nya kira2 maksud-nya: "Dan sesungguhnya manusia itu hanya memperoleh apa yang di-usahakan-nya, dan bahawa hasil usaha-nya itu kelak akan di-lihat-nya, kemudian di-berikan kepada-nya balasan yang chukop."

Dalam pada itu Allah s.w.t. yang bersifat maha kasehan kepada hamba2-Nya sentiasa menunjuk-kan limpah rahmat-nya dan kaseh sayang-Nya dalam mengorhiakan balasan yang lebeh baik terhadap perbuatan2 kebajikan, yang mana satu kebajikan boleh di-gandakan-Nya pahala dan ganjaran-nya berganda2, sedangkan terhadap perbuatan2 kejahatan hanya di-berikan balasan yang sa-rupa dan sa-imbang. Hal ini telah di-jelaskan oleh Allah Ta'ala di-dalam surah Al-Qasas ayat 84, firman-Nya kira2 maksud-nya:—

"Barangsiapa yang membawa amal baik (pada hari akhirat) maka bagi-nya balasan yang lebeh baik daripada-Nya, dan barangsiapa yang datang membawa amal

jahat, maka mereka yang melakukan kejahatan tidak di-balas melainkan dengan apa yang mereka lakukan."

Satu lagi kaedah menurut ajaran Islam ia-lah bahawa Islam tidak memikulkan sa-suatu kewajiban ka-atas tiap2 orang kechuali menurut daya upaya dan kemampuan masing2 dengan tiada chuai dan lalai.

Hal ini di-terangkan oleh Allah Ta'ala, firman-Nya kira2 maksud-nya: "Allah tiada membeban-kan sa-seorang itu me-lainkan sesuai dengan daya upaya dan kemampuan-nya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang di-usahakan-nya dan ia mendapat seksa (dari kejahatan) yang di-lakukan-nya."

TIADA BERDAYA

Oleh sebab itu-lah di-dalam hukum tentang peraturan mendirikan sembahyang fardhu mithal-nya, jikalau sa-seorang itu tiada berdaya mengerjakan sa-chara berdiri, boleh-lah ia mengerjakan sa-chara duduk dengan tidak

payah berdiri. Jikalau sa-chara duduk juga ia tidak berdaya, boleh-lah ia mengerjakan sa-chara berbaring. Jikalau sa-chara berbaring itu juga ia tidak berdaya, boleh-lah mengerjakan sa-chara menerusi gerakan mata-nya, seterusnya kalau ia tiada berdaya boleh-lah dengan hati-nya, ia-nya sesuai dengan daya yang ada pada-nya tetapi kalau akal-nya sudah tiada ber-jalan dan berfungsi lagi sa-umpama ia jatuh gila atau tiada tahu apa2 yang di-lakukan-nya maka ter-lepas-lah daripada-nya kewajiban sembahyang fardhu itu.

Apa yang di-tekan-kan oleh agama Islam ia-lah supaya kita menunaikan kewajiban kita dengan tiada chuai dan lalai. Kita di-suruh berlumba2 mengerjakan amal ibadat dan kebajikan sa-banyak2 yang terdaya oleh kita, dan jangan sekali2 membuat kejahatan dan dosa. Kaedah2 ini sangat perlu kita fahami supaya dapat-lah kita tingkaskan taqwa kita kepada Allah sa-panjang kita menjalani hidup di-dunia ini.


Sembahyang boleh menyembuhkan penyakit

Beberapa orang doktor telah pernah menyatak-kan komen2 atau pendapat2 mereka berhu-bung dengan ibadah sembahyang yang di-peren-tahkan ka-atas orang Islam melakukan-nya. Di-antara-nya Dr. Thomas Haeslob berkata: "Sa-baik2 jalan untok tidur yang saya ketahui dari hasil penga-laman saya sa-lama beberapa tahun, ia-lah ibadah sembahyang; kerana telah ternyata bahawa perbuatan sembahyang ada-lah sa-baik2 jalan untok menchapai ketenteraman jiwa dan keredha'nan keloh kesah serta takut."

Dan menurut pendapat Dr. Edwin Fredrick Powers, ia-itu sa-orang profesor penyakit urat saraf di-Amerika telah menegaskan tentang pengakuan-nya berkenaan dengan ibadah sembahyang, beliau berkata: "Banyak daripada penyakit2 yang berjangkit telah boleh di-sembuhkan di-dalam waktu yang singkat serta menajubkan di-dalam dunia ini, tetapi walau bagaimana pun di-sana ada keta'juban perbuatan lain yang dapat menyem-buhkan orang2 yang

sakit, orang timpang dan orang buta ia-itu penya-kit2 yang tidak boleh di-sembuhkan oleh rawatan doktor jasmani atau penyakit jiwa atau dengan chara pembedahan. Dan di-sana ada beribu2 hal kejadian penya-kit yang tidak terlintas pada akal sa-bijak2 dan sa-mashor2 doktor boleh di-ubati, tetapi pesakit2 itu telah semboh penyakit-nya dan telah kembali semula akal dan kesihatan-nya yang di-sebabkan oleh perbuatan sembahyang yang di-lakukan-nya."

Doktor Alexis Carlyle pula berkata: "Sembahyang itu boleh mengujud-kan kechergasan pada se-kalian anggota badan, bahkan ia ada-lah sa-



Sekolah Ugama baru

BERAKAS.—Majlis Pembukaan rasmi bangunan baru Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkliah, Kampong Serusop, di-sini telah di-adakan pada hari Ahad lepas.

Bekas Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Haji Mohd Hussein bin Mohd. Yusof, di-beri penghormatan untuk melakukan perasmian tersebut.

Majlis tersebut, di-mulakan dengan bacaan Al-Kor'an oleh Awg Irwan Mashadi bin Haji Mashud, seterusnya ucapan aluan oleh Awg Haji Mohd. Amin bin PDPD Haji Abdul Rahim, Ketua Pegawai Pelajaran Ugama Brunei.

Bangunan sekolah yang terdiri daripada tiga blok dua tingkat itu mengandongi bilek2 darjah, bilek pentadbiran Guru Besar, Bilek Rehat Guru dan sa-buah kedai kecil (kantin).

Majlis pada hari itu di-selanjur-kan dengan penyampaian hadiah2 kepada pemenang2 Peraduan Tulis Jawi Peringkat Negeri bagi Sekolah2 Rendah Ugama, bersempena menyambut Awal Tahun Hijrah 1403.

Hadiah2 itu juga di-sampaikan oleh Awang Haji Hussin.

Mohd Daud bin Bair dari S.U. Paduka Sri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin K.B. telah muncol sa-bagai pemenang pertama bagi Darjah Enam, Awg. Razali bin Hj Md. Tahir.

S.U. Pengiran Muda Al-Muhtadi Billah, kedua, dan tempat ketiga ia-lah Sharifah bte Mansor, S.U. Pengiran Anak Puteri Norain.

Pemenang Bahagian Darjah Lima, pertama Norainah Salwa bte Sahbuddin, S.U. Pengiran Anak Norain, kedua, Siti Zahrah bte Md. Ali, dari S.U. Perpindahan Berakas dan pemenang ketiga Alwi bin Awg. Damit S.U. Pengiran Anak Puteri Masna.

Darjah Empat, pertama Mohammad bin Abu Bakar, S.U. Pengiran Anak Puteri Norain, kedua, Salahuddin bin M.M. Maidin, S.U. Pengiran Anak Puteri Masna dan ketiga Nora bte Hussin dari S.U. PAPSR Bolkliah.

Bahagian Darjah Tiga, pertama Dk. Khadijah bte Pg. Badaruddin, kedua, Azizah bte Abbas, kedua2-nya dari S.U. Pengiran Anak Puteri Masna, dan tempat ketiga Dyg. Norainah bte Basing, S.U. Sinaut.

Pemenang pertama bahagian Darjah Dua ia-lah Norhayati bte Masri, dari S.U. PMAM Billah; kedua Mazlikha bte Hj. Maskin dari S.U. PAP Masna dan Norlindadi bte Mohd. Taib, dari sekolah yang sama mendapat tempat ketiga.

Pemenang pertama bahagian Darjah Satu ia-lah Juliana bte Jalil, kedua Salina bte Sabri, kedua2-nya dari S.U. Pengiran Anak Puteri Norain dan pemenang ketiga ia-lah Abdullah bte Nawi dari S.U. Dato Godam.

Bingkisan minggu ini

besar2 puncha kechergasan anggota. Dan beliau mendapati serta menyaksikan ramai orang sakit yang tidak berjaya di-sembuhkan dengan memakan ubat2 yang di-berikan oleh doktor2 bagi menyembuhkan penyakit mereka. Maka ubat yang paling berkesan dan mujarab ia-lah dengan melakukan ibadat sembahyang."

Dan perlu jua di-fahami dan di-ingat bahawa sembahyang itu bukan hanya sa-mata2 membacha doa memohon restu kepada Allah, tetapi hendak-lah di-sertai dengan ketegangan dan kemurnian perasaan hati dan niat, yang mana sa-olah2 ketika itu kita sedang berhadapan dengan kekuasaan dan kebesaran-Nya, di-samping kita dengan sa-penoh2 perasaan menyekatkan diri kepada-Nya.

Pada kesimpulan-nya para pakar kedokteran itu benar2 menyatak-kan dan mengakui tentang kesan2 dan faedah2 yang dapat di-perolehi dari perbuatan sembahyang yang di-wajibkan ka-atas diri orang2 Islam bagi melakukan-nya; di-antara-nya ia-lah mengujudkan ketenteraman

jiwa atau perasaan dan ia-nya juga boleh menyembuhkan bermacam2 penyakit yang di-rasai oleh manusia.

Dan dalam pada itu ada beberapa buah hadith menyarakkan tentang faedah2 ibadat sembahyang, antara-nya hadith yang di-riwayat-kan oleh Imam Bokhari dan Muslim, Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Bagaimana pendapat kamu, jikalau sa-buah sungai pada pintu salah sa-orang kamu, di-mana ia mandi sa-tiap hari-lima kali, ada-kah tinggal daripada kotoran-nya barang sedikit jua? Jawab sahabat2: "Tidak akan tinggal sedikit pun dari kotoran-nya." Rasulullah s.a.w. menyambung lagi: Maka itu-lah misal sembahyang lima waktu. Allah menghapuskan kesalahan2 dengan-nya."

Dan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:—

"Sembahyang lima waktu, dari Juma'at ka-Juma'at menutopi bagi apa yang ada di-antara-nya, sa-lama ia tiada melakukan atau mengerjakan dosa2 besar."

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 10hb Nobember, 1982 hingga ka-hari Selasa 16hb Nobember, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini:—


Hari	Bulan	Dzuhr	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
10hb Nob	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06	
11hb Nob	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07	
12hb Nob	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07	
13hb Nob	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07	
14hb Nob	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07	
15hb Nob	12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07	
16hb Nob	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Berbinchang mengenai pertukaran berita sambil menikmati minuman dengan perwakilan2 Indonesia, Filipina dan Singapura (atas) dan gambar kanan kelihatan perwakilan Brunei ketika menghadiri persidangan tersebut.



PENGHANTARAN para pegawai ka-seberang laut sama ada untuk berkursus atau pun menghadiri persidangan badan2 profesional ada-lah sa-chara langsung atau tidak langsung menampakkan kesedaran Kerajaan untuk menimba pengetahuan dan kemajuan yang sesuai dengan negeri ini.

Pengetahuan atau pun kemajuan yang di-maksudkan tidak-lah akan datang sa-chara spontan. Penyaloran "oleh-oleh" perwakilan tadi sudah setentu-nya-lah akan di-kaji dan diteliti dengan penoh berhati-hati, dengan mengambil kira kehendak2 atau pun tuntutan2 negeri saperti ideologi, sosial dan tatasusila dan lain2 di-letakkan di-tempat yang paling "supreme".

Keperchayaan Kerajaan kepada pegawai2 tadi untuk membuat satu2 penentuan dan menyalorkan ma'lumat2 yang mereka perolehi, (betapa sekali pun di-dalam proses pengajian mereka sentiasa terdedah kepada banyak pengaruh) memang telah sedia ujud sejak era penghantaran pegawai2 ka-seberang laut bermula.

SUNGGOH BERUNTONG

Keadaan ini dengan sendiri-nya akan mengurangkan, kalau pun ada jurang pemisah di-dalam proses "flow of information" di-antara kita dengan pegawai2 tadi pada mengetahui apa yang di-amalkan di-dalam negara2 yang sudah lama merdeka. Kita di-negeri ini sunggo beruntong dan bernasib baik kerana di-beri keperchayaan sa-demikian jika di-bandingkan dengan negara2 yang mengamalkan sistem politik kuning, negara2 yang di-bawah pemerintahan sa-orang diktator dan bentuk pemerintahan2 yang lain, (ada negara2 yang begitu berhati-hati sekali dalam hal ini sa-hingga "membrainwash" pegawai2-nya yang baru pulang dari seberang laut).

Penyertaan Brunei sa-bagai ahli (betapa sekali pun sa-bagai ahli bersekutu) di-dalam

Ka-arrah menyumbangkan skop penyiaran:

PENYERTAAN BRUNEI DALAM ABU SUATU PERKEMBANGAN

Oleh: Shadoon Lamzi

Kesatuan Penyiaran Rantau Asia-Pasifik yang kini mempunyai 66 ahli daripada 46 buah negara setidak-tidak-nya pun telah menampakkan kesungguhan Kerajaan pada mengembangkan atau memperluaskan lagi skop penyiaran-nya melalui ranchangan televisyen dan radio untuk di-hidangkan kepada orang ramai dan raayat jelata di-negeri ini.



Awang Abd. Kadir Cheku, Pemangku Ketua Penyunting Berita RTB.

Awang Abdul Kadir Cheku, Pmk Ketua Penyunting Berita di-RTB, salah sa-orang dari tiga perwakilan Brunei yang turut serta di-dalam Perhimpunan Agung ke-19 kesatuan itu ketika di-wawancara menjelaskan terdapat banyak munafaat dengan ada-nya penyertaan kita di-dalam kesatuan ini.

"Di-dalam persidangan ini mithal-nya, kita telah membincangkan banyak perkara2 yang menarek yang di-antara-nya termasuklah tentang soal2 merundingkan "copyright" untuk ranchangan2 tv dan radio, membincangkan pertukaran ranchangan2 dengan ahli2 dan juga membincangkan pertukaran berita2 di-antara ahli2."

LIPUTAN RANCHANGAN

"Dalam soal pertukaran ranchangan, RTB telah turut serta di-dalam perbincangan khusus yang di-masukkan di-dalam agenda permashuaratan itu. Di-dalam hari pertama perjumpaan, kita telah membincangkan mengenai dengan penyelarasan pertubohan2 penyiaran mengenai dengan soal2 mendapatkan liputan ranchangan2 sokan yang besar saperti Olimpik di-Los Angeles, dan Sokan Asia di-New Delhi. Soal yang besar di-dalam perkara ini ia-lah untuk mendapatkan "copyright". "Olimpik umpama-nya, "copyright"-nya ada-lah terlalu mahal — di-luar kemampuan seteshen persendirian di-Asia. Jadi chara-nya ia-lah untuk ABU (Kesatuan Penyiaran Asia — Pasifik) mendapatkan "copyright" itu dan ahli-nya akan menyumbangkan sa-takat mana yang dapat bergantung kepada jumlah peti tv di-negara itu. Jadi kalau kita membuat perundingan sa-chara persendirian pertubohan2 kita akan membayar dengan perbelanjaan yang besar. Ini-lah kepentingan penyertaan kita di-ABU," jelas Awang Abdul Kadir.

Munafaat yang di-perolehi tidak sahaja di-lahirkan dari meja permashuaratan. Di-luar persidangan perwakilan2 Brunei sa-chara private telah dapat menghubungi pertubohan2 penyiaran yang berideologi Islam saperti negara2 Iran, Mesir, Turki, Irak dan Qatar untuk mendapatkan sumbangan daripada mereka.

"Kita sangat-lah beruntong kerana telah mendapat tawaran beberapa negara di-Timor Tengah untuk mengembangkan ranchangan2 saperti Tafsir Al-Kor'an dalam Bahasa Inggeris yang boleh kita muatkan nanti dalam ranchangan radio, bacheaan2 ayat2 suchi Al-Kor'an bagi tv dan banyak lagi ranchangan2 kebudayaan yang mungkin nanti menarek minat orang di-Brunei. Tidak semua negara2 ini memperdagangkan ranchangan2 sa-rupa ini malah ada yang menawarkan sa-chara perchuma. Perkara ini sudah tentu-lah tidak akan dapat kita nekmati sa-andai-nya kita tidak menghadiri perjumpaan sa-umpama ini," tambah beliau lagi.

Salah satu lagi perkara yang menarek ia-lah di-dalam pertukaran2 berita di-antara negara2 sa-rantau. Sesuai dengan hasrat kita pada masa

ini untuk memperbanyakkan berita2 sa-rantau, pehak perwakilan telah sempat berunding dengan perwakilan2 dari Singapura, Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand kerana pada masa ini RTB hanya berlanggan pada ajensi2 berita yang membawa sa-bahagian besar-nya berita2 dari dunia barat. Ini bermena peluang telah terbuka untuk kita mendapatkan berita2 yang berlaku di-rantau kita ini.

PERTUKARAN BERITA

Brunei telah juga melahirkan minat untuk juga berkesempatan untuk mengikuti perkembangan2 baru teknologi penyiaran untuk menghadiri mashuarat Jawatankuasa Kejuruteraan. Dari sini kita mengetahui perkembangan2 terbaharu dalam teknologi penyiaran dan RTB tidak akan ketinggalan dalam perkembangan ini. Ini ada-lah penting kerana sa-buah pertubohan penyiaran tidak akan dapat hidup sendirian tanpa ada-nya perhubungan yang rapat dengan pertubohan2 yang lain. Umpama-nya jika ada pertubohan lain yang menggunakan satu sistem yang baharu, maka kita mesti-lah mempunyai kemampuan menggunakan mesin2 tersebut kerana jika tidak segala ranchangan2 yang di-hantarakan ka-RTB tidak akan dapat di-siarkan kerana tidak ada-nya kemampuan kita menerima-nya," jelas Awang Abdul Kadir lagi.

Turut juga di-bincangkan, menurut Awang Abdul Kadir lagi, ia-lah di-dalam ranchangan untuk mengadakan satu khutubkhanah filem dan pita sa-chara "central" di-bawah kelolaan ABU. Dalam hal ini ahli2 ada-lah di-kehendaki untuk menyumbangkan filem2 dan pita2 untuk di-jadikan bahan rujukan dan dapat di-gunakan oleh semua ahli. Tempat di-mana ia-nya akan di-tubuhkan, walau bagaimana pun belum lagi di-tentukan tetapi Filipina dan India telah sedia ada mempunyai khutubkhanah mereka tersendiri dan UNESCO telah sedia membantu di-dalam penyelarasan-nya.

Dari sini jelas kepada kita betapa besar-nya sumbangan yang akan dapat di-berikan oleh kesatuan ini dan kita tentu sekali berharap dengan ada-nya penyertaan ini akan dapat memperbaiki dan memperluaskan lagi skop penyiaran negara kita khusus-nya di-dalam penyebaran malumat rantau Asia Tenggara ini.

Persidangan yang berlangsung dari 30hb. Sept hingga 10hb. Oktober itu di-adakan di-Singapura dan ahli lain di-dalam perwakilan Brunei ia-lah Pg. Asmalee Pg. Ahmad dan Sapawi Bolhassan.



Bergambar dengan perwakilan2 dari Mesir yang banyak menawarkan ranchangan2 berbentuk keagamaan dan kebudayaan.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 10HB NOHEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 UNDER THE MOUNTAIN
- 5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 DIFFERENT STROKES
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 DIFFERENT STROKES — Sambongan
- 6.30 WATCH ALL NIGHT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CASSIE & CO. "One Thief Too Many"
- 7.22 AZAN ISHA
- 7.27 CASSIE AND COMPANY Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CHERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 ONE OF THE BOYS "Don't Bank On It" Apabila Gramps dan Bernard hendak mengeluarkan wang Simpanan dari bank mereka dengan menggunakan pembayaran otomatis, mesin memuntahkan sekian banyak wang. Malang-nya perbuatan mereka itu di-perhatikan oleh dua orang pencuri.
- 9.45 MAGNUM: "Mad Buck Gibson"
- 11.35 TAYANGAN GAMBAR
- 12.05 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 11HB NOHEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLINTSTONE FROLICS
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 FLINTSTONE FROLICS — Sambongan
- 6.30 WILDLIFE ON ONE

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 PETROCELLI: "The Gamblers" Mando Rivera kelihatan berlari meninggalkan satu

tempat kejadian jenayah. Chap jari2-nya di-dapati pada senjata yang terlibat dan lebih \$300 di-jumpai dalam kereta-nya. Tetapi Petrocelli berpendapat hanya dengan siasatan lanjut sahaja dapat memastikan-nya.

7.22 AZAN ISHA

7.27 PETROCELLI — Sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.32 CHERAMAH HIJRAH

8.45 HIDAYAT

9.15 DUNIA MINGGU INI

9.45 THE AWAKENING LAND "The Towns" Bgh. I

10.45 MORECAMBE AND WISE SHOW (Episod Terakhir)

11.15 MINDER: "Poetic Justice, Innit?" Arthur membuat jury duty. Terry menjaga lock up manakala temanita-nya Debbie terlibat dalam satu rompakan. Sa-orang polis baru membuat siasatan dan Terry tahu siapa yang di-shaki-nya.

12.15 THAT'S HOLLYWOOD

12.45 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 12HB NOHEMBER

TENGAHARI

- 12.00 LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCHANGAN
- 12.15 TAKZIR
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDHU
- 12.50 KHUTBAH

PETANG

- 1.00 HIDAYAT (Ulangan)
- 1.25 GAMES PEOPLE PLAY
- 2.15 HAPPY GO ROUND
- 3.00 HEATHCLIFF AND THE DINGBAT
- 3.29 AZAN ASAR
- 3.35 ANIMAL WORLD "The Protectors"
- 4.00 MAGIC STAR TRAVELLER
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.50 THE MUNCH BUNCH "Vote For Me"
- 5.05 WORKING WITH CLAY
- 5.15 MANAGEMENT
- 5.30 PANCHAIRAMA
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKED FOR IT
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 YOU ASKED FOR IT — Sambongan
- 6.35 INTERNATIONAL AWARD THEATRE "Shoeshine Girl" Tidak tahu apa hendak di-buat terhadap kelakuan Sarah, keluarga-nya telah menghantar-nya ka-rumah ibu saudara-nya untuk semusim summer. Disana dia telah dapat mempelajari keuntongan dari kehidupan berkari dengan penoh tanggung-jawab.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 EIGHT IS ENOUGH "Bradfordgate"
- 7.22 AZAN ISHA
- 7.27 EIGHT IS ENOUGH — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CHERAMAH HIJRAH
- 8.45 DRAMA "Rintihan Ibu" (Ulangan)
- 9.15 KNOT'S LANDING "The Rose And The Briar"
- 10.05 FAWLTY TOWERS
- 10.35 GUSTI
- 11.05 POP IN GERMANY
- 11.35 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 13HB NOHEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 HERO HIGH
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 HERO HIGH — Sambongan

- 6.40 WORLD OF BIRDS "Woodland Web"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "Maybe Baby"
- 7.22 AZAN ISHA
- 7.27 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CHERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 SALAM MESRA DARI INDONESIA (Ulangan)
- 9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA "Pertarungan Kera Sakti"
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR "Victor Frankenstein" (Drama) Satu drama mengesahkan di-mana satu makhluk monster chiptaan yang pada mula-nya mengharapkan kaseh sayang manusia telah menjadi ganas apabila tidak memperolehi-nya. Akhir-nya dia membalas dendam kepada pencipta-nya.
- 12.45 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 14HB NOHEMBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.15 BUGS BUNNY: "Mad World of Television"
- 2.45 THE JEFFERSONS
- 3.10 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.29 AZAN ASAR
- 3.32 BIG LEAGUE SOCCER — Sambongan
- 3.55 MEMOIRS OF A FAIRY GEMMOTHER
- 4.25 KAP KAP UDANG
- 4.55 MEDICAL REPORT
- 5.10 WRECKERS AT DEAD EYE "Hand of Evil"
- 5.40 TARGET THE IMPOSSIBLE "To Alter Human Behaviour"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BRADY KIDS: "Wings" Dalam satu perlumbaan The Brady Kids tersesat jalan di-mana kereta mereka telah di-laha2 untuk menampung sa-buah kapal-terbang yang di-bena oleh Wrong Brothers.
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 BRADY KIDS — Sambongan
- 6.35 ANGIE "Moving Day" Angie membeli sa-buah rumah tanpa pengetahuan suami-nya.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOVE BOAT
- 7.22 AZAN ISHA
- 7.27 LOVE BOAT — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CHERAMAH HIJRAH
- 8.45 KELAB DONDANG SAYANG
- 9.05 THREE'S COMPANY "Jack Moves Out" Sa-telah beberapa kejadian, Jack mengambil keputusan untuk berpindah tempat kediaman.
- 9.35 FILEM RENCHANA SPIRIT OF ASIA "Land of A Million Buddas-Thailand" (Episod Terakhir)
- 10.35 MALICE AFORETHOUGHT
- 11.35 TALES OF THE UNEXPECTED "Completely Foolproof"
- 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 15HB NOHEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 THE MUNCH BUNCH "Timber" (Episod Terakhir)
- 5.15 CAMP WILDERNESS SPECIAL
- 5.35 LIDSVILLE
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THAT'S INCREDIBLE
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 THAT'S INCREDIBLE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FREEBIE AND THE BEAN: "Highway Robbery" Apabila sa-orang bekas banduan, kawan kepada Freebie dan Bean, di-tudoh merampas beberapa buah truck, mereka berdua terpaksa menolok bahawa kawan mereka tidak bersalah.
- 7.22 AZAN ISHA
- 7.27 FREEBIE AND THE BEAN — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CHERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 SARA DANE
- 10.15 BODY IN QUESTION "Naming of Parts"
- 11.15 HOUSE CALL "Jailhouse Doc" Dr. Michaels lebih rela masuk jail dari memberikan rahsia kesah lama pesakit-nya.
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 16HB NOHEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 ENCHANTED CASTLE "Magic End" (Episod Terakhir)
- 5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSON ANIMATION
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NATURE OF THINGS
- 6.08 AZAN MAGHRIB
- 6.18 NATURE OF THINGS — Sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FALL GUY "That's Right, We're Bad" Colt dan Howie dalam kebingungan apabila mereka di-serang penyakit jantung.
- 7.23 AZAN ISHA
- 7.28 THE FALL GUY — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CHERAMAH HIJRAH
- 8.45 ARENA SOKAN: "Friendly Games"
- 9.45 DYNASTY (Siri Baru) Sambongan dari siri pertama yang mengesahkan satu keluarga yang berpengaruh dari kekayaan di-perolehi dari penghasilan shariat minyak. Di-sebalek latar belakang yang begitu kukuh mereka juga mempunyai kelemahan dalam isi keluarga mereka. Dynasty ia-lah kesah kuasa, kekayaan, perncintaan dan passion yang tidak dapat di-pisahkan dari nafsu dalam kehidupan manusia.
- 10.35 TAYANGAN GAMBAR "Sergeant Matlovitch Versus The U.S. Air Force" Dari kesah benar sa-orang Sgt. Matlovitch untuk menegakkan hak meneruskan khidmat-nya dalam tentera udara Amerika Shariat sa-telah dia dapati "gay". Pelakun2: Brad Dourif, Mark Singer, Frank Converse, William Daniels, dll.
- 12.05 SIARAN TAMAT.



Dua karakter yang penting dalam siri MALICE AFORETHOUGHT — Hywell Bernett sa-bagai Dr. Bickleigh and Cheryl Campbell sa-bagai Madeleine. Ranchangan ini akan dapat awda ikuti pada tiap2 hari Ahad kira2 jam 10.35 malam.

Radio minggu ini:

BUKA TV STESHEN LONDON

PERCHAYA-KAH awda kalau saya meramalkan bahawa dalam masa lima tahun lagi kita di-Brunei ini berkemungkinan dapat mengikuti program 'TOP TWENTY' sa-chara langsung dari Steshen BBC di-London atau program DALLAS terus-menerus dari Amerika seperti mana kita mengikuti siaran2 radio hari ini yang bertukar dari sa-buah steshen ka-sebuah steshen radio di-dunia. Perchaya atau tidak perchaya bukan pokok persoalan, apa yang penting hendak saya kemukakan di-sini ia-lah sa-buah pengumuman yang di-buat di-Singapura baru2 ini oleh Pengarah Urusan Perkhidmatan Luar Negeri BBC, Tuan Douglas Mugeridge. Beliau berkata jika persetujuan dengan Singapura tercapai dan ranchangan2 dapat di-laksanakan dengan lancar, maka dalam masa tiga tahun lagi penduduk2 di-Singapura akan dapat mengikuti siaran TV BBC ka-sebarang laut dengan chuma mema-

sang sa-jenis bijana berbentok mangkok di-belakang rumah. Harga mangkok 'sakti' ini di-katakan agak mahal kira2 \$925.00, yang pada hemat kita lagi standard hidup di-Brunei hari ini sa-bahagian besar penduduk sanggup memilikinya asalkan dapat mengikuti siaran2 TV dari steshen2 luar negeri.

Pengumuman itu menerangkan bahawa kemungkinan ini dapat di-lakukan dengan ada-nya kemudahan2 satelit. Pada masa ini kemudahan2 tenaga satelit ini di-pergunakan untuk memancarkan siaran2 TV di-samping lain2 hubungan antara negara, seperti mana yang dapat kita ikuti pada siaran langsung ufuk di-Arafah baru2 ini. Dan untuk membolehkan kita mengikuti siaran2 TV di-beberapa buah negeri di-dunia ini melalui peti2 TV di-rumah, maka kemudahan satelit perlu di-hubungkan ka-rumah2 dengan chara memasang mangkok sakti "a peculiar

dish" di-belakang rumah, yang memakan belanja kurang dari seribu ringgit buat masa ini, dan tentu harga-nya semakin susut pada kemudian hari. Ini tentu-nya dapat di-laksanakan sa-sudah di-bereskan segala yang berkenaan dengan sambong2an antara negara dengan negara.

Takdir-nya siaran itu berjaya nanti, maka tentu-iah kita akan dapat mengikuti siaran TV Arab Saudi untuk menikmati ranchangan Qasidah atau kita putar ka-steshen TV Kahirah untuk mengikuti bacaan Al-Kor'anulkarim. Tapi begitu-lah tiap sa-satu itu ada dengan masalah-nya, masalah yang agak membimbangkan ia-lah kalau2 anak2 muda di-rumah paling berminat mengikuti siaran TV Perancis atau Sweden. Khabarnya program2 TV di-negara2 tersebut tidak ada pantang larang-nya. Terpuang-lah kepada mata masing2 saja, sanggup melihainya atau tidak.

DEMI HARI ESOK — tajok sandiwara radio minggu ini

MINGGU ini, Sandiwara Radio bertajok "DEMI HARI ESOK", tulisan Awang Asmawi, Brunei.

Penulis menimbulkan tentang masalah dan tekanan perasaan yang di-tanggong oleh sa-pasang suami-isteri. Watak2 Dollah dan Zaimah menghadapi masalah Yati anak perempuan mereka yang menghidap penyakit saloran jantung tersumbat yang telah di-deritainya sejak kelahiran-nya tujuh tahun yang lalu.

Apabila saja di-beritahu yang Yati harus di-beri pemereksaan lanjut di-rumah sakit, Dollah merasa teragak2 untuk menurut-nya kerana sudah selalu benar Yati di-bawa untuk pemereksaan doktor, tetapi apa yang di-terima adalah seperti biasa. Penyakit Yati mungkin hanya akan dapat di-sembohkan dengan chara pembedahan.

Perubatan sa-chara pembedahan itu-lah yang bertentangan dengan kemahuan dan kehendak Dollah dan seluruh keluarga-nya. Kerana itu-lah mereka berusaha dengan chara perubatan kampung.

Kerana tidak ada jalan lain lagi, mereka pun membawa Yati untuk menemui doktor pakar yang di-maksudkan. Dalam masa menunggu keputusan dari doktor itu-lah Dollah berkenalan dengan Che' Arsad, sa-orang yang mempunyai ramai anak dan kebetulan sa-orang dari anak2-nya itu mengidap penyakit yang sama dengan Yati. Penyakit anak Che' Arsad itu telah dapat di-pulehkan dengan chara pembedahan yang di-jalankan di-Singapura.

Mungkin-kah pendirian Dollah akan berubah sa-telah mendengar cerita dari Che' Arsad itu? Akan sembohkah penyakit yang di-deritai oleh Yati itu atau-

pun sebak-nya? Untuk penjelasan lanjut, para pendengar ada-lah di-persilakan untuk mengikuti siaran-nya pada 14hb. Nobember, 1982, jam 10.30 pagi.

Terbitan Sandiwara Radio Minggu Ini di-usahakan oleh Zainab Hj. Taha.

RTB MENJURUHEBAH

RADIO Talivishen Brunei mempelawa raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sa-bagai Juruhebah Sambilan lelaki/perempuan untuk perkhidmatan radio, di-Bahagian Melayu dan di-Bahagian Inggeris.

Chalun2 hendak-lah sekurang2-nya mempunyai kelulusan persekolahan perengkat 'O' dan mempunyai suara yang baik atau sesuai melalui chorong radio (microponic). Satu ujian suara akan di-adakan ka-atas permohonan2.

Kechenderongan dalam lapangan hiburan/musik, drama sokan, penulisan, ugama Islam



Monster yang di-chipta membalas dendam kepada penchipta-nya dalam TAYANGAN GAMBAR AKHIR Sabtu depan berjudul "Victor Frankenstein".

DARI PENDENGAR UNTOK PENDENGAR

PEMINAT2 Radio yang ingin menyertai 'Dari Pendengar Untok Pendengar' bolehlah mengirinkan surat permohonan kepada: PENERBIT 'DARI PENDENGAR UNTOK PENDENGAR' BAHAGIAN MELAYU, RADIO TALIVISHEN BRUNEI, BRUNEI.'

Pendengar di-kehendaki menyertakan tujuh buah lagu pilihan, dan seterusnya menunjukkan kepada kawan2 dan sahabat handai di-mana saja berada.

Awda akan di-panggil ka-studio oleh penerbit-nya untuk membuat rakaman.

This Is My Song

After a short interval your weekly programme This Is My Song is back on your radio dial. Tune in every Sunday morning at 11.15 am. Dayang Kalthom Ali will be at home to entertain you with her guest singer Awg. Zulkifli Butir. Don't forget to make it a date this Sunday at 11.15 am. on the English Service Radio.

Picture on the right shows the producer Jaafar Yaakob (third from left) briefing the two artists and the DMCI Sound Mixer's members — Ray (extreme left) from right Willie, Wilfredo and Eric before start of recording.



BERAKAS. — Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad kini memegang jawatan Pegawai Pemerintah Chawangan Udara AMDB berikutan tamat-nya perkhidmatan Kolonel JA Cheshire pada 11hb. Oktober lepas. Ini ada-lah merupakan kali pertama-nya sa-orang anak tempatan memegang jawatan tersebut.

Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Pengiran Abidin telah berkhidmat dengan AMDB sa-lama 18 tahun dan dalam jangka masa itu, 14 tahun daripadanya beliau menyumbangkan khidmat-nya dalam penerbangan.

Sa-lama di-dalam perkhidmatan-nya, Dato Pengiran Abidin telah banyak kali di-hantar ka-seberang laut untuk mengikuti kursus2 tertentu untuk membolehkan beliau di-iktiraf sa-bagai sa-orang pegawai dan jurutera yang bertauliah.

Karier beliau dalam ketenteraan bermula pada bulan Ogos 1965 apabila dia di-hantar ka-United Kingdom untuk mengikuti latihan pegawai kadet dan di-tauliahkan menjadi Leftenan Muda (Second Lieutenant) pada bulan Januari 1966.

Pada bulan Julai hingga Ogos 1966 beliau berada lagi di-United Kingdom untuk mengikuti kursus Pegawai Platoon dan turut menjalani ujian "Air-Crew Selection".

Tarikh ini-lah menentukan haluan kehidupan beliau sa-bagai sa-orang jurutera di-mana latihan asas telah beliau perolehi daripada Kelab Penerbangan Sabah di-antara Oktober 1966 dan Januari 1967 di-mana beliau memperoleh Lesen Penerbangan Private (LPP) dari Jabatan Penerbangan Malaysia.

ASAS PENERBANGAN

Selesai mengikuti kursus tersebut, beliau di-tempatkan di-Chawangan Udara dan di-hantar lagi ka-UK untuk mempelajari bidang asas penerbangan helikopter di-British Executive Air Services, Oxford, dan pada bulan Oktober 1967 beliau berjaya memperoleh Lesen Penerbangan Private (helikopter), dan sa-masa berada di-sana beliau telah juga turut menghadiri dua kursus penempatan di-Army Air Corp dan Central Flying School untuk membiasakan diri dengan membuat penerbangan2 helikopter jenis Bell 47.

Sa-kembali dari berkursus Dato Abidin membuat penerbangan2 tempatan Bell 206 dan di-iktiraf mempunyai kelulusan penuh dan seterusnya menerima lenchana sayap (penerbangan) dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada bulan Ogos 1968. Kejayaan ini menempatkan beliau sa-bagai anak Brunei yang pertama memperoleh kelulusan yang sa-rupa.

Pada bulan Ogos hingga Disember 1971 beliau berpeluang mengikuti rancangan pertukaran (exchange programme) dengan Skuadron Kelima Royal Australian Air Force dan sa-lepas itu kembali ka-Brunei dan meringkaskan helikopter jenis Bell 212.

KURSUS

Beliau kali ini berpeluang lagi untuk mengikuti satu kursus di-dalam bidang enjin di-Bell Helicopter, Texas Amerika Sharikat pada bulan Mei 1972.

ANAK TEMPATAN YANG PERTAMA PEGANG JAWATAN PEGAWAI PEMERENTAH CHAWANGAN UDARA

Oleh: Shadoon Lamzi



Lt. Kol. Pg Dato Paduka Abidin bin Pg. Ahmad.

dan pada bulan September 1973 sa-hingga bulan Jun 1974, kembali lagi ka-UK untuk mengikuti kursus Lesen Penerbangan Komersil yang mempunyai "instrument rating" dan berjaya memperoleh-nya.

Beliau ada-lah juga merupakan anak Brunei yang pertama mempunyai kelulusan sa-rupa dan ini dengan sendirinya menempatkan beliau untuk bertugas dengan penerbangan DYMM yang melibatkan kapal terbang HS 748 yang pada masa ini telah di-adakan.

Pada bulan Oktober 1976 sa-hingga Januari 1979 beliau bertugas sa-bagai Pegawai Pemerintah Skuadron Nombor Satu AMDB yang mempunyai 11 buah pesawat helikopter jenis Bell 212, dan kemudian-nya men-jawat Timbalan Ajutan Agong (DAAG) dari bulan Februari hingga Disember 1979.

Pada bulan Januari 1980 beliau mengikuti satu lagi kursus di-

United Kingdom di-dalam hal ehwal Pegawai Turus di-Army Staff College di-Surrey dan kembali memegang jawatan Timbalan Ajutan Agong dari Disember 1980 hingga April 81.

JAWATAN

Beliau di-termuramah memegang jawatan Pegawai Turus Bahagian Latehan pada bulan Mei 1981 hingga Mei 1982 dan pada bulan Jun 1982 mula memegang jawatan Pegawai Pemerintah Pengganti Chawangan Udara sehingga-lah beliau mengambil alih jawatan itu seponoh-nya pada 11hb Oktober yang baru lalu.

Ketika di-termuramah selanjut-nya, beliau menjelaskan dengan keperchayaan di-serahkan beliau memegang jawatan berkenaan, menampakan hasrat Kebawah DYMM dan juga hasrat Kerajaan Brunei untuk mempercepatkan proses anak2 tempatan mengambil alih jawatan yang di-pegang oleh pegawai2 pinjaman atau pegawai2 luar.

"Saya juga ingin menyatakan yang pada masa ini semua jawatan2 tinggi seperti pegawai2 memerintah skuadron dan lain2 jawatan "executive" di-dalam Pasukan AMDB kini di-pegang oleh anak2 tempatan; ini dengan sendirinya menampakan adanya kemampuan dan kecekapan kita di-dalam lapangan penerbangan," jelas beliau.

Leftenan Kolonel Dato Pengiran Abidin juga berkelulusan di-dalam bahagian payong terjun. Kelulusan ini beliau perolehi sa-telah mengikuti kursus asas payong terjun di-Australia di-dalam tahun 1967.

Chawangan Udara kini mempunyai 28 orang jurutera2 yang terlatih dan kini mula mempunyai ahli2 teknishen2 sendiri yang juga terdiri dari anak2 tempatan.

SEMINAR KONKRIT ANJORAN JKR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para pemborong pembinaan bumi putera akan berkesempatan menghadiri satu seminar konkrit yang julung2 kali-nya di-anjurkan oleh Jabatan Kerja Raya.

Seminar tiga hari itu di-jangka akan di-mulakan pada hari Selasa, 23hb Nobember depan dan akan di-langsungkan di-Makmal Konkrit dan Tanah jabatan tersebut di-Jalan Berakas.

Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Kerja Raya ketika kami temui baru2 ini menjelaskan yang ini ada-lah merupakan satu langkah jabatan-nya untuk menolong pemborong2 bumiputera untuk mendapatkan bimbingan yang betul mengenai dengan konkrit.

beliau berkata seminar seumpama ini akan di-adakan dari sa-

masa ka-semasa di-mana para peserta bukan saja berkesempatan mendengarkan cheramah2 tetapi akan di-berikan bimbingan praktikal dan hal yang berkenaan.

ketika di-tanya mengenai dengan seminar itu beliau menjelaskan: "Di-hari pertama seminar, kita akan memberikan kesempatan kepada mereka untuk mendengar cheramah dan membuat konkrit sendiri dan sa-kali gus membuat ujian ka-atas-nya di-samping mengenali bahan2 konkrit dan "properties"-nya.

"Ini akan di-ikuti dengan membuat konkrit sekali lagi pada hari kedua dan seterusnya membuat ujian, penyukatan, serta perbincangan di-hari penghabisan," tambah beliau.

Para pencheramah-nya ada-lah terdiri daripada pegawai2 kanan jabatan tersebut dan semua para pemborong dan



Pg Abu Bakar

kelas pendaftaran A, AX, B, C, atau pun kecil boleh menyertai-nya dan peluang mengikuti-nya tidak-lah di-hadkan kepada sa-orang bagi sa-sebuah sharikat malahan mereka boleh-lah menghantar bilangan yang lebih daripada satu.

Peluang ini akan di-buka kepada 30 oang pemborong2 bumiputera dan borong2 penyer-taan kini boleh di-perolehi daripada Penolong Pentadbir jabatan itu di-Ibu Pejabat JKR.

Bayaran \$50 akan di-kenakan kepada sa-tiap peserta bagi penyediaan bahan2 cheramah, bahan2 tulis dan minum dan borang tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat daripada 16hb. Nobember ini.

Pengarah Jabatan Kerja Raya, YB Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit di-jangka akan merasmikan seminar tersebut.

Berkursus di-Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Aw. Hj. Saidin bin Hj. Ibrahim dan Aw. Jaludin bin Hj. Kula, Pegawai2 dari bahagian Pengembangan Haiwan di-Jabatan Pertanian telah berlepas ka-Semenanjung Malaysia pada 30hb. Oktober, 1982 untuk menjalani latihan dalam hal ehwal penghasilan dan perkhidmatan2 ternakan dan perkhidmatan2 makmal. Mereka akan berada di-sana hingga kira2 pertengahan bulan Mach tahun hadapan dan akan di-tempatkan antara lain di-Institut Haiwan, Keluang, Institut Kemajuan Ternakan Ayam, Johor Baru, Institut

Penyelidikan Haiwan, dan Pamar Pulau Pinang.

Pegawai2 tersebut, memegang jawatan Pemereksa Ternakan di-pertanggung-jawabkan untuk memberi perkhidmatan2 ternakan yang di-perlukan oleh para penternak di-kampung2 di-Daerah Brunei-Muara.

Latihan mereka itu akan meningkatkan lagi pengetahuan dan pengalaman mereka dalam hal ehwal ternakan dan mereka akan dapat memberi perkhidmatan2 yang lebih baik kepada para penternak di-kawasan2 yang mereka bertugas.

Ketetapan harga Kereta MITSUBISHI

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga baru2 ini telah bersetuju menurunkan harga2 kereta2 jenis "MAZDA" dari Sharikat FEDERAL MOTOR dan "MITSUBISHI" dari Sharikat Borneo Carriage & Trading Company Limited dengan susunan harga seperti berikut:—

JENIS KERETA (Type of Cars)	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road)
MITSUBISHI LANCER 1200 GL Model : A 155 ABUR (Non A/cond)	\$ 9,550.00	\$10,119.00
MITSUBISHI TREDIA 1400 GLX (Manual) Model : A211 ABUR (Non A/cond) radio; seat belts; digital clock; super shift (Four speed x 2) etc.	\$10,700.00	\$11,299.00
MITSUBISHI TREDIA 1600 GLS (Manual) Model : A 212 ABUR (Non A/cond) power window; power steering; blower; RPM meter; seat belts; radio; digital clock; super shift (Four speed x 2) etc.	\$11,760.00	\$12,413.00
GALANT 200 SUPER SALOON (Manual) Model : A 163 ANXR (Non A/cond) radio with cassette; seat belts; cigar lighter; digital clock; heater; rear windscreen etc.	\$14,270.00	\$15,036.00


Ketetapan harga Kereta MAZDA

MAZDA 929 4-Doors Sedan (Manual) Model : HA-92 (5-speeds) 2,000 c.c. air-condition; radio/cassette player, power window; automatic aerial; power steering etc.	\$17,250.00	\$18,100.00
MAZDA 929 4-Doors Sedan (Automatic) Model : HA-93 (2,000 c.c.) air-condition; radio/cassette player radial tyres; power steering; power window; automatic aerial etc.	\$17,900.00	\$18,740.00
MAZDA RX7 Model : FA 22 AAS air-condition; AM/FM radio/cassette player; power window sport aluminium wheels; quartz clock etc.	\$24,000.00	\$25,155.00

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pihak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjukkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pihak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporakan kepada pihak berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Perancang Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan, mana2 ejen kereta yang telah menyalahgunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 10hb. hingga 16hb. Nobember

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Seraya	10.11.1982	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	10.11.1982	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	10.11.1982	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu A.H.M.Y. Kati Mahar	13.11.1982	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	13.11.1982	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaud	13.11.1982	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	13.11.1982	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	13.11.1982	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	13.11.1982	Sabtu	4.00- 5.00 "
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara	15.11.1982	Isnin	1.45- 2.45 "
Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching	15.11.1982	Isnin	3.00- 4.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	16.11.1982	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	16.11.1982	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kuilap	16.11.1982	Selasa	2.45- 3.15 petang
Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim Gadong, Kampong Beribi	16.11.1982	Selasa	3.35- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong	16.11.1982	Selasa	4.30- 5.30 "



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Brigadier J.P.W. Friedberger dan YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya Leftenan Kolonel Dato Paduka Haji Hussin di-upachara tersebut.

PERBARISAN TAMAT LATEHAN REKRUT2 AMDB

Oleh: Shadoon Lamzi — Gambar2: Ak. Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berangkat ka-upachara perbarisan tamat latehan rekrut pengambilan ke-57 Askar Melayu Diraja

Brunei bertempat di-Perkhemahan Bolkiah pagi Jumaat lepas.

Di-upachara tersebut, Yang Teramat Mulia telah juga di-junjong untuk memeriksa barisan yang terdiri daripada 107 orang rekrut. Selesai memeriksa barisan YTM kemudian-nya menyampaikan sabda ucapan.

Rekrut2 yang menamatkan latehan mereka pada pagi itu telah mengikuti latehan2 ketenteraan sa-lama enam bulan di-Perkhemahan Bolkiah untuk memahirkan diri dengan berbagai pelajaran ketenteraan yang termasuk menembak dan kehidupan dalam hutan.

Rekrut Hasmee Haji Abdul Wahab munchol sa-bagai rekrut terbaik di-dalam semua bidang, rekrut Jumat Haji Abdul Hamid terbaik di-dalam menembak M16, hadiah penembak HBAR terbaik jatuh kepada Rekrut Abdur Rafea Haji Kassim dan terbaik dalam latehan jasmani ia-lah Rekrut Jawadi Wahid.


Hadiah2 telah disampaikan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Penerima pangkat sa-

bagai pegawai Kadet pagi itu terdiri daripada Rek Ak Halim Pg Haji Tuah, Rek Jol Jublee bin Bangkol, Rek Ramli Abdul Hadis, Sgt (M) Ali @ Rizal Fauzan bin Selatan @ Md Bahrin, Sgt (M) Jabidi Haji Kawang dan Cpl (M) Zakaria Haji Ali Ahmad.



Rekrut Ramli bin Abdul Hadis (pegawai kadet) kelihatan menerima songkok daripada YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir (atas). Salah sa-orang rekrut terbaik menerima hadiah daripada Yang Teramat Mulia.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (atas) menyerahkan hadiah kepada rekrut terbaik (bawah) dengan Pegawai Kadet Jabidi Haji Kawang dan Cpl (M) Zakaria Haji Ali Ahmad.


10hb November, 1982.



Teramat Mulia menerima penerangan daripada Major Dato Paduka Peat di-Muzium Askar Melayu, sementara gambar kanan kelihatan Yang Teramat Mulia memerhatikan salah satu yang di-pamerkan di-dalam Muzium AMDB.



Pengiran Perdana Wazir menerima tabek hormat dari rekrut2 yang di-Mess Pegawai dengan di-perhatikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.



Rekrut Hasmee Haji Abdul Wahab menerima hadiah rekrut terbaik di-dalam semua jurusan daripada Yang Teramat Mulia.

TERPILEH REKRUT TERBAIK



Bergembira kerana menyambut kejayaan rekrut Hasmee, ia-lah ayah-nya Awang Haji Abdul Wahab Mohammad, abang-nya Lt. Ra'emi Maleek dan ibu-nya.

KEGEMBIRAAN menyelubungi wajah Rekrut Hasmee bin Haji Abd Wahab yang terpilih sa-bagai rekrut terbaik di-dalam semua bidang pengambilan ke-57 AMDB yang menamatkan latehan-nya pagi Jumaat lepas.

Parajurit Hasmee, bekas penuntut tingkatan lima Sekolah Inggeris Berakas ada-lah anak ke-enam daripada lapan orang adek beradek dan mengangap kerjaya tentera sa-bagai satu profeshen yang menchabar.

Kejayaan yang sa-demikian bukan-lah merupakan satu perkara yang di-sangkakan-nya. "Saya sama sekali tidak menyangka yang saya memperolehi kejayaan ini dan insha Allah, saya akan menchuba sa-daya upaya memikul tanggung-jawab yang diamanahkan dengan sebaik2-nya," jelas-nya.

Turut gembira atas kejayaan anak-nya ia-lah ayah kapada Hasmee, Haji Abdul Wahab Mohammad. Kini, dua daripada anak lelaki beliau telah berkhidmat dengan Pasokan Askar Melayu Diraja.

Sa-bagai sa-orang ayah beliau mengangap yang kerjaya di-dalam ketenteraan itu ada-lah sa-bagai pengawal negara dan raayat. "Ini ada-lah satu tanggung-jawab yang berat, dan mengenai dengan Hasmee, saya tidak menyangka yang dia memperolehi kejayaan yang begitu chemerlang, kerana di-rumah ia-nya ada-lah pendiam. Walau macham mana pun saya bershukor kerana kejayaan-nya itu."



PPNB SA-BAGAI AHLI PENOH HADHIRI SIDANG KA-13

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuh orang perwakilan Persatuan Pengakap Negeri Brunei ada-lah di-antara beberapa orang pemimpin pertubohan2 Pengakap yang mengikuti Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-13 yang

berlangsung di-Indonesia ketika ini.

Perwakilan yang disertai oleh 20 orang anak2 dan isteri2 mereka selaku pemerhati itu telah bertolak meninggalkan negeri ini Sabtu lalu 6hb. Nobember, 1982. Persidangan yang berjalan

mulai 8hb. Nobember itu di-jadualkan berakhir esok.

Meskipun PPNB telah menghadiri sidang serupa itu di-Taiwan, Manila, Australia dan Korea Selatan sa-masa ia-nya maseh menjadi ahli bersekutu, tetapi penyertaan kali ini adalah merupakan kali pertama sejak PPNB diterima menjadi ahli penoh Biro Pengakap Dunia.

PPNB telah di-terima menjadi ahli penoh Biro Pengakap Dunia yang berpusat di-Geneva pada 1hb. Julai 1981 dan pengistiharaan bagi penerimaan itu telah dikeluarkan dalam Persidangan biro tersebut yang berlangsung di-Senegal dalam bulan Ogos pada tahun yang sama.

“Dengan keahlian penoh itu PPNB telah mempunyai suara untuk mengundi dan kemungkinan mereka akan mengajukan calon dalam persidangan kali ini yang juga bertujuan untuk melantek ahli2 jawatankuasa baru bagi Asia dan Pasifik,” jelas Haji Duming bin Haji Abdul Wahab selaku Pesuruhjaya bagi Perhubungan Awam dan Penerbitan PPNB.

Kontingen Brunei kali ini di-ketuai oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein selaku ketua PPNB.

Beliau di-temani oleh Yang Dipertua PPNB Dato Paduka Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud, Yang Dipertua Pesuruhjaya PPNB Daerah Brunei-Muara Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Haji Awang Damit bin Haji Awang Chuchu, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad, dan Pesuruhjaya Antarabangsa Awang Abdul

Rahman bin Haji Hussein.

Sa-belum berlepas satu upacara pengkhaihan Bendera Brunei telah di-lakukan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas kepada Yang Dipertua PPNB Dato Paduka Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud.

Perlawanan

b'ton Jabatan K'jaan bermula

GADONG. — Pusat Tingkatan Enam di-sini akan menjadi gelanggang pertarungan apabila perlawanan bulu-tangkis bagi jabatan2 kerajaan bermula jam 7.00 malam ini di-Dewan Gerak Badan Pusat tersebut.

Sa-banyak 24 pasukan akan mengambil bahagian dalam perlawanan yang di-anjurkan buat kelima kali-nya oleh Jabatan Pelajaran Brunei yang hanya terbuka kepada semua jabatan2 di-negeri ini.

Perlawanan tersebut ada-lah bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Haji Jumat, bekas Pengarah Pelajaran Brunei, sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan bagi tahun ini.

Saperti biasa perlawanan akan di-jalankan sa-chara pukul mati (knock out sistem) dan terbahagi kepada tujuh bahagian — dua bagi perseorangan dan lima bergu.

Buat pertama kali-nya pemain2 wanita akan berpeluang menunjukkan kebolehan mereka sa-telah pihak penganjur perlawanan bersetuju untuk mengubah chorak perlawanan dengan menguntukkan satu perlawanan bergu bagi wanita dan satu lagi bergu campuran.

Bagi memper-cepatkan selesai-nya perlawanan, pihak penganjur telah menetapkan untuk menjalankan dua perlawanan pada tiap2 kali perlawanan. Malam ini Pelajaran 'D' akan bertemu dengan Perpin-dahan dan Pelajaran 'E' bertemu dengan Penjara.

Perlawanan sa-paroh akhir masing2 akan di-jalankan pada 27hb. dan 29hb Nobember ini. Bagaimana pun tarikh bagi perlawanan akhir akan di-beritahu kemudian.

Pengakap dan Pandu Puteri terima lenchana

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli2 Pasokan Pengakap dan Pandu Puteri SMJA kini semakin bertambah dengan kemasokan ahli2-nya yang baru. Dalam majlis yang berlangsung di-Dewan SMJA di-sini hari Rabu lalu, sa-ramai 15 orang Pengakap dan 46 orang Pandu Puteri telah menerima lenchana keahlian mereka dalam pasukan2 tersebut.

Pemangku Pengetua Sekolah Menengah SMJA, Awang Lim Jock Hoi, ketika berucap di-majlis itu antara lain menjelaskan betapa aktiviti saperti Pertubohan2 Pengakap dan Pandu Puteri serta lain2 pertubuhan awam itu di-galakkan di-negara kita, dalam menjalankan hidup bermasyarakat dan semangat bekerjasama.

Bagaimana pun, Awang Lim Jock Hoi mengingatkan ahli2 Pengakap dan Pandu Puteri pada hari itu supaya menjalankan aktiviti2 luar sa-umpama itu sa-masa tiada kuliah, tanpa mereka itu merupakan tujuan asal mereka.

Sa-jurus sa-belum acara penyampaian lenchana keahlian di-langsungkan, ahli2 Pengakap dan Pandu Puteri telah melafadzkan ikrar persetiaan Pengakap dan Pandu Puteri. Lenchana kepada Pengakap2 baru telah di-sampaikan oleh Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad, sementara lenchana kepada Pandu Puteri telah di-sampaikan oleh Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris.

46 orang Pandu Puteri telah di-bahagikan kepada lima kumpulan, ia-itu Petrol Bunga Popi, Bunga Ros, Bunga Teratai, Bunga Matahari dan Bunga Raya. Acara sa-terus-nya bagi majlis itu ia-lah persembahan aktiviti2 Pengakap dan Pandu Puteri.

Turut menghadiri majlis itu ia-lah Datin Masni bte Haji Ali, Dayang Hajjah Marhani bte Abd. Latif serta pemimpin2 dan Ketua2 Pengakap.



Datin Hajjah Zahrah menyampaikan lenchana ahli kepada dua orang ahli baru Pandu Puteri Sekolah Menengah SMJA dalam satu majlis yang di-adakan di-Dewan sekolah tersebut pada hari Rabu lepas.



POLO AYER DAN TERJUN CHANTEK KENALKAN MUTU SOKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Polo Ayer dan Terjun Chantek merupakan sokan renang yang di-harapkan boleh mengenalkan mutu sokan negeri ini di-peringkat antarabangsa di-masa depan.

Juruchakap Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan menyatakan usaha kini sedang di-lakukan untuk mendapatkan sa-orang jurulatih bagi melatih mereka yang berminat dalam sokan tersebut.

Langkah demikian adalah merupakan salah satu usaha yang telah di-perangsang oleh Jabatan berkenaan untuk mempertinggi mutu sokan negeri ini sa-bagai persediaan bagi memenohi mana2 undangan luar negeri yang di-fikirkan wajar untuk di-sertai.


Inisiatif Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan untuk menganjurkan skim latihan sokan dengan mengundang jurulatih agak mendapat sambutan yang chukop menggalak-

kan dari orang ramai dan juga pihak2 swasta negeri ini.

Baru2 ini Sharikat Minyak Shell Brunei telah mendermakan wang sa-jumlah \$54,000 kepada jabatan berkenaan bagi menaja jurulatih sokan renang, bulu-tangkis dan olahragayang kini sedang di-usahakan.

Sementara menunggu kedatangan jurulatih yang berkenaan, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan sekarang sedang menyusun rancangan-nya untuk menganjurkan skim Latihan Polo Ayer dan Terjun Chantek yang terbuka kepada warga-negara Brunei dan penduduk tetap negeri ini yang terdiri dari lelaki dan perempuan dan berumur 14 tahun ka-atas.

Bagaimanapun jelas salah sa-orang pegawai dari jabatan tersebut, pemilihan bagi mereka yang memohon untuk mengikuti skim tersebut akan di-jalankan sa-baik sahaja semua permohonan di-terima. Ini tambah-nya ada-lah untuk menguji kelayakan masing2 mengikuti bahagian yang sesuai bagi mereka.



Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad menyampaikan lenchana pengakap kepada salah sa-orang pengakap.

Antisari
RTTB
Minggu ini

HENDAKI SAMBILAN

atau hal ehwal semasa ada-lah menjadi pertimbangan.

Chalun2 yang berjaya hendaklah sanggup bertugas pada sebarang masa; siang atau malam, atau pada hari2 kelepasan awam.

Permohonon di-terima dari sebarang sa-hingga hari Khamis, 10hb. Nobember, 1982 jam 4.30 petang.

Surat2 hendak-lah di-alamatkan kepada:

Pemangku Pengurus Penerbitan Radio,
Jabatan Radio Talivishen
Brunei,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.



SEKALONG SENI

PUSAT Muzik dan Letronik sa-buah sharikat bumiputera di-Bandar Seri Begawan Brunei mengah-diahkan sa-buah alat permainan muzik gitar yang berharga \$500/ untok kuiz "Aduria" dalam ranchangan tempatan "Sekalong Seni."

Awang Zaini Hj. Sabtu Penolong Pegawai Perdagangan di-RTTB menerima sumbangan daripada Pengarah Sharikat tersebut Dayangku Masni bte Pengiran Hj. Tengah.

Empat ranchangan telah di-rakamkan di-mana peserta2 dapat memenangi beberapa hadiah2 yang berharga.

Dalam ranchangan yang ketiga nanti, Johan Bintang Radio Tahun 1963, Dyg. Julia Chee (kanan)

akan menghiborkan awda dengan beberapa buah lagu dengan iringan Combo RTTB. Ranchangan ini akan di-siarkan pada hari Juma'at 19hb. Nobember pada jam 8.45 malam.

Tiket2 perchuma untok menyaksikan, "Sekalong Seni" dan mengambil bahagian dalam kuiz, "Aduria" boleh di-dapati sekarang dari:

Penerbit Ranchangan,
"Sekalong Seni,"
Bahagian Hiboran,
Radio Talivishen Brunei.

Awda boleh juga mendapatkan tiket2, bagi rakaman ranchangan yang ke-lima untok hari Sabtu 13hb. Nob. pada jam 8.00 malam, atau ranchangan terakhir, untok hari Ahad, 14hb. Nobember, jam 3.30 petang.



Ranchangan TVP — dari 15hb. — 21hb. Nobember

ISNIN — 15HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP
UDANG 738

Dalam ranchangan kali ini, Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, AMINAH, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 738

SELASA — 16HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP
UDANG 739

Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERSENAM, KERJA TANGAN, PA'LONG, KATA SI-MANIS, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 739

RABU — 17HB NOB.

PAGI

Jenis/Temph

1 tahun penoh masa.

Sharat2 Kemasokan

Kandungan kursus ini pada keseluruhannya ada-lah berchorak praktikal dan sa-lapas 6 bulan pertama latehan bengkel, penuntut2 mungkin di-kehendaki mengambil bahagian dalam kerja projek.

Kursus2

- Pemasangan dan Perangkapan Paip Praktikal No. 3.

Jenis/Temph

1 tahun penoh masa.

Sharat2 Kemasokan

Pemohon2 mesti-lah menamatkan pelajaran menengah masing2 dan telah berhenti sekolah.

Penerangan Am

- Elaun2 yang berpatutan akan di-bayar kepada penuntut2 yang mengikuti kursus2 penoh masa.
- Makanan tengah hari dan minum sa-masa rehat akan di-sediakan bagi penuntut2 yang menghadiri kelas

dari jam 7.30 pagi hingga 4.00 petang.

3. Pakaian pelindung dan but keledar akan di-bekalkan kepada penuntut2 yang menghadiri kursus2 penoh mara dan bekerja lebih dari 10 jam dalam sa-minggu di-bengkel.

4. Keterangan lanjut dan borang2 permohonan boleh di-perolehi daripada Pengetua, Sekolah Pertukangan, Bangunan Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara atau Bahagian Teknikal, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan. Pemohonan2 yang sudah bekerja hendak-lah menghadapkan permohonan2 mereka melalui Ketua Jabatan masing2.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN BIL. 131/1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pembedong2 Penanaman Kabel Letrik yang berdaftar Kelas 'B' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari Isnin, 6hb Desimber, 1982 bagi kerja2 berikut :—

PENANAMAN KABEL (PHASE II) 66KV SUB-STATION, JALAN TUTONG HINGGA KASUNGAI UKONG TUTONG, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Perkhidmatan2 Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Chengkaram (deposit) untuk tawaran ini ada-lah \$5000.00.

TIMBALAN PENOLONG EJUTAN AGONG
MARKAS PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BERAKAS GARRISEN
TALIPON : 31111 SAMBONGAN 284
307
347
ATAU
PEGAWAI PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
TALIPON : 30531 SAMBONGAN 111 ATAU 112.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SA-BAGAI PEMBANTU TEKNIK, JABATAN PENERBANGAN AWAM

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PEM-BANTU TEKNIK di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Tangga Gaji:

D.1-2-3 EB.4-5—\$425-\$1290 sa-bulan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Mesti-lah berumur antara 18 hingga 25 tahun.
- Mempunyai G.C.E. 'O' level dan lulus dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab dan Fizik.
- Mesti-lah mempunyai City and Guilds Intermediate pelajaran yang sesuai atau Certificate dalam mata2 pelajaran yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana2 Maktab Teknikal yang di-iktiraf.

ATAU

Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebih chawangan2 kerja kejuruteraan Talikom atau Letronik termasuk kerja2 reka-bentuk dan pemeliharaan alat2 Radio.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya hendak-lah sanggup bekerja sa-chara bergilir-gilir (shift). Kerja2 penyelenggaraan biasa terhadap alat2 elektronik lapangan terbang termasuk-lah membuat kerja2 luar membaiki kebel, mengubah suai alat2 kelengkapan, mendawai dan membantu dalam kerja2 pemasangan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Disember, 1982.

(E/17/82)

(Bil : 314/1982)

TENDER NOTICE

1. Tender are invited from suppliers with relevant experience in metal fabrication and hot dip galvanizing.

2. The said tender are for supply of Hot Dip Galvanised Light Weight Footway Joint Box covers and frames.

3. Tenders will be received by the Chairman Tenders Board, Office of the Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12 noon on 29th. November, 1982. Tenders received after the said time and date will be rejected.

4. Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMS DEPARTMENT, SUPPLY OF FOOTWAY JOINT BOX COVERS & FRAMES, AND BRACKETS PIPE SUSPENSION

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of \$500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers provided that the conditions of section 7 of this notice are complied with. The tender deposit will also be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Tender conditions require that a sample of the products offered be delivered to Talikom Store on or before the closing date for tenders. Any tenders submitted without samples will be incomplete and shall be regarded as invalid and the deposit forfeited.

8. Any manufacturer who has supplied the same or similar items previously within the past year to Telecom may apply to the Director in writing for exemption from the requirement to supply a further sample. Conditions of exemption are set out in the tender documents.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN BIL: 106/1982

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, Isnin, 29hb. Nobember, 1982 bagi membekalkan barang2 di-bawah:—

TIANG-TIANG "TUBULAR STEEL TRANSMISSION"

Dokumen2 tawaran dan penangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (Chengkeram) untok tawaran ini ada-lah \$1,000.00.

TAWARAN RANCHANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH2/MAKTAB2 BAGI TAHUN 1983 — 84

1. Tawaran2 untok membekalkan bahan2 Permakaman Sekolah2/Maktab2 (Bahagian Makan dan Minum) bagi tahun 1983—84 (bagi jangka masa 22 bulan) akan di-terima daripada sharikat2/Pemborong2 oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei tidak lewat daripada hari Sabtu 30hb. Nobember 1982 jam 4.30 petang.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-tetapkan tidak akan di-layan.

3. Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan mesti-lah bukan terdiri daripada pegawai2 atau kakitangan Kerajaan.

4. Keterangan2 lanjut serta borang2 tawaran boleh di-perolehi di-Bahagian Asrama dan Ranchangan Permakaman Sekolah2, Ibu Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. Tawaran2 mesti-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutup dan di-alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei serta di-tulis tanda dengan terang seperti di-bawah ini:—

"TAWARAN RANCHANGAN PERMAKAMAN SEKOLAH2/MAKTAB2 BAGI TAHUN 1983—84"

Di-luar sampul surat itu mesti-lah tidak ada sa-barang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan sa-tiap tawaran yang di-tulis dengan tidak betul dan tidak lengkap akan di-kira rosak dan di-tolak.

6. Chagaran tawaran (TENDER DEPOSIT) sa-banyak \$200.00 bagi tiap2 satu blok hendak-lah di-bayar pada masa mendaftar dan wang itu akan di-kembalikan kepada pemohon2 yang tidak berjaya. Jika pemohon yang berjaya menolak tawaran, wang chagaran-nya tidak akan di-kembalikan.

7. Pemohon2 mesti-lah yang tinggal di-daerah2 tempat Sekolah2/Maktab2 yang berkenaan dan mereka tidak di-benarkan memohon di-daerah2 yang lain.

8. Pemohon2 mesti-lah mempunyai sharikat perniagaan yang berdaftar. Sijil pendaftaran perniagaan hendak-lah di-sertakan bersama2 dengan borang tawaran yang telah di-isikan.

9. Kerajaan tidak akan terikat kepada mana2 tawaran atau tawaran2 yang paling rendah.

10. Berikut ada-lah masa2 bagi mengambil borang2 tawaran:—

Hari Isnin hingga Hari Khamis
8.30 pagi — 12.00 tengahari
2.00 petang — 3.00 petang
Hari Sabtu
8.30 pagi — 10.00 pagi

TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following PVC Switchboard Cable:—

1 Single quad 0.5mm conductor with grey outer sheath to BPO Specification CW 1293 or CW 135 L in 100 metre coils.

Quantity 100,000 metres

2 4 pairs 0.5mm conductor with cream outer sheath to BPO Specification CW 110 J on 1000 metre drums.

Quantity 60,000 metres

3 6 pairs 0.5mm conductor to BPO Specification CW 110 J with cream outer sheath on 1000 metre drums.

Quantity 80,000 metres

4 100 pairs 0.5mm conductor with cream outer sheath to BPO Specification CW 110 J on 1000 metre drums.

Quantity 20,000 metres
Prices to be CIF Muara Port.

Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope marked:—

Tender for PVC Switchboard Cable bearing no indication of the name of the tenderer.

Tenders must be received by the Chairman, Tenders Board, Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on November 29th 1982.

ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

NO. 123 (AC) 1982

TENDERS will be received from suitably qualified Contractors, up to 12.00 noon on 15th November, 1982 for the Term Contract:—

ROUTINE TREATMENT OF CONDENSING WATER SYSTEMS FOR AIR CONDITIONING PLANT IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS

Tender deposit is \$100.00.

Tender documents, Conditions and all particulars can be obtained at the office of the Building Services Section, Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

TENDER NO. 129 (AC) 82

TENDERS will be received from registered Air Conditioning Contractors, Class A & B up to 12.00 noon on Monday 6th. December, 1982 for the:—

REPLACEMENT OF THREE 250 TR COOLING TOWERS SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL KUALA BELAIT

Tender deposit is \$300.00.

Tender documents, condition and all particulars can be obtained at the office of the Building Services Section, Electrical Services Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.



MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-persilakan dari Pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat untok:—

1. BILANGAN TAWARAN: 001144/LEN KATEGORI 16

Yunit mechechayarkan jenis 3400 — pemereksaan dan rombak rawat kelengkapan berkedudukan tetap

Untok keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ka-Papan2 kenyataan untok Tawaran B.S.P.

TAWARAN PERMAKAMAN ASRAMA SEKOLAH2/MAKTAB2 BAGI TAHUN 1983 — 84

1. Tawaran2 untok membekalkan bahan2 Permakaman Asrama (Bahagian Basah dan Kering) bagi tahun 1983 — 84 (bagi jangka masa 22 bulan) akan di-terima daripada sharikat2/Pemborong2 oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei tidak lewat daripada hari Sabtu 30hb. Nobember, 1982 jam 4.30 petang.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-tetapkan tidak akan di-layan.

3. Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan mesti-lah bukan terdiri daripada pegawai2 atau kakitangan Kerajaan.

4. Keterangan2 lanjut serta borang2 tawaran boleh di-perolehi di-Bahagian Asrama dan Ranchangan Permakaman Sekolah2, Ibu Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. Tawaran2 mesti-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutup dan di-alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei serta di-tulis tanda dengan terang seperti di-bawah ini:—

"TAWARAN PERMAKAMAN ASRAMA SEKOLAH2/MAKTAB2 BAGI TAHUN 1983 — 1984"

Di-luar sampul surat itu mesti-lah tidak ada sa-barang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan sa-tiap tawaran yang di-tulis dengan tidak betul dan tidak lengkap akan di-kira rosak dan di-tolak.

6. Chagaran tawaran (TENDER DEPOSIT) sa-banyak \$500.00 untok tiap2 bahagian Basah atau Kering bagi sebuah Asrama hendak-lah di-bayar pada masa mendaftar dan wang itu akan di-kembalikan kepada pemohon2 yang tidak berjaya. Jika pemohon yang berjaya menolak tawaran, wang chagaran-nya tidak akan di-kembalikan.

7. Pemohon2 mesti-lah yang tinggal di-daerah2 tempat Asrama Sekolah2/Maktab2 yang berkenaan dan mereka tidak di-benarkan memohon di-daerah2 yang lain.

8. Pemohon2 mesti-lah mempunyai sharikat perniagaan yang berdaftar. Sijil pendaftaran perniagaan hendak-lah di-sertakan bersama2 dengan borang tawaran yang telah di-isikan.

9. Kerajaan tidak akan terikat kepada mana2 tawaran atau tawaran2 yang paling rendah.

10. Berikut ada-lah masa2 bagi mengambil borang2 tawaran:—

Hari Isnin hingga Hari Khamis
8.30 pagi — 12.00 tengahari
2.00 petang — 3.00 petang
Hari Sabtu
8.30 pagi — 10.00 pagi



B.S.P. Tender Notice No. SSU 20 82

- Item 1 — 31 Pcs. Old Propellers for Marine Vessels.
- Item 2 — 1 Pce. Consolidated Power Valve
2 Stage Air Compressor
Registration No. KA 1823
- Item 3 — 3 Pcs. Smallwood Capstan c/o Motors
Serial Nos. 30240, 30239 & 30237
- Item 4 — 2 Pcs. Electric and Hydraulic Power Unit
- Item 5 — 2 Pcs. Railway Gang Trolley
Driven by Perkins Diesel Engine
- Item 6 — 2 Pcs. 1 Pce. Crack Detector GM Eelectro-Magnetic
1 Pce. Balancing K17-Marvel.
- Item 7 — 1 Pce. Woodfield Double Drum Mooring
Winch driven by Electric Motor
Serial No. 3427/3
- Item 8 — 2 Pcs. Survey Wild Theodolite T3
- Item 9 — 1 Unit Leyland 6 x 4 Foam Tanker
Model — 1979
Registration No. KC 1625.
- Item 10 — 1 Unit Leyland 6 x 4 Foam Tanker
Model — 1979
Registration No. KC 1827.

Notice

The above materials may be viewed at the following locations:—

- Items 1/8 — Movable store and Yard (SSU/3)
Items 9/10 — Transport Yard (SSU/22)
- In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to:—
Supplies Department,
Local Market Development and Disposals Section,
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
SERIA.
(SSU/15, Tel. No. 536 or 403 NIA).
- The closing date for receipt of Tenders shall be 9.00 a.m. on 29th November, 1982.
Chairman,
Tender Board,
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Seria,
State of Brunei.
"Endorsed: B.S.P. Tender Notice
No. SSU 20/82"
- The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the tenderer of all the terms of tendering. All other terms of tendering are as usual, and can be obtained on request at the SSU/15 office.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN RADIO DAN TALIVISHEN BRUNEI

Pembantu Ukur Kapal

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen Brunei.

1. PENYUNTING (BERI-TA)
C. 2 EB 3 — \$1260-\$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Lulus pada peringkat Diploma dalam matapelajaran yang bersesuaian atau lulus dengan mendapat kepujian sekurang2nya dua matapelajaran G.C.E. Peringkat 'A' atau yang sebanding. Dapat menunjukkan minat dan kecekapan, atau pun pengalaman dalam tugas penyuntingan. Kebolehan taip menaip dan trengkas merupakan satu kelebihan.

Kapada Penyunting yang bertugas dalam penyediaan siaran berita yang melibatkan gambar2 pegun, graf2, peta2, caption2 dan slide2 dalam berita TV, mengarah penyampaian berita studio, dan bertindak sebagai penyunting yang bertugas sebagaimana yang diarahkan oleh Penyunting Kanan. Penyunting juga ada kala-nya keluar untuk membuat liputan bagi acara2, dan menjalankan tanggung-jawab sebagai Penyunting yang bertugas semasa chuti awam dan sa-chara bergilir.

2. PENERBIT (RADIO)
C. 1-2 EB 3 — \$1110-\$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah mempunyai sekurang2nya dua tahun pengalaman, mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik dalam teknik2 penerbitan radio, termasuk stereo, dan mesti-lah memperihatkan kebolehan da-chipta yang nyata dalam tugas mereka.

Tugas2:

Bertanggung-jawab kepada Pengelola Rancangan Melayu, China atau Inggeris. Bertanggung-jawab bagi sebuah seksen dalam Perkhidmatan Melayu-hal ehwal semasa, agama, drama, rancangan2 kanak2 dll., atau bertanggung-jawab bagi "blocks of output" dalam Perkhidmatan Inggeris atau China. Menerbitkan rancangan2, mital-nya rancangan2 muzik, drama, penerangan2. Mungkin di-

kehendaki untuk membaca berita dan menjalankan tugas2 continuity. Menolong/ menasehatkan dalam penerbitan radio mana2 penerbit2 rendah.

3. PENOLONG PENERBIT (RADIO)
D. 4 EB 5-6 — \$980-\$1410 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tingkatan 5 Melayu atau Inggeris dengan mempunyai sekurang2nya 3 kelulusan peringkat 'O'. Pengalaman sebagai sa-orang penyumbat luar bagi rancangan2 RTB, atau sa-orang sarong kakitangan bergaji hari atau petugas sambilan dengan bukti yang nyata dalam kebolehan daya-chipta. Kebolehan menguasai Bahasa Inggeris (menulis dan membaca) merupakan satu kelebihan.

Menerbit dan menyampaikan rancangan. Akan dikehendaki untuk memulakan berbagai rancangan2 yang melibatkan teknik2 penerbitan muzikal dan majallah. Mungkin dikehendaki untuk membaca berita dan menjalankan tugas2 continuity.

4. PEGAWAI RANCANGAN TINGKAT III
D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sa-bulan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Tingkatan 5 Melayu atau Inggeris. Fasih menulis dan bertutur dalam bahasa yang berkenaan di-perlukan; mutu suara yang sesuai untuk radio (chalon2 akan dikehendaki menjalani ujian suara di-RTB). Pengetahuan mengarang dan minat yang khusus dalam beberapa aspek rancangan2 RTB seperti drama atau hal ehwal semasa, merupakan satu kelebihan.

- Tugas2:
Mempelajari dan membuat tugas2 continuity, menda-

patkan pengalaman mikrofon dan mempelajari teknik2 penerbitan radio. Membantu dalam apa2 chara yang mungkin di-perlukan dalam penerbitan dan penyampaian rancangan2 radio.

5. JURU MESIN
E. 1-2-3 EB. 4 — \$410-\$700 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 hendak-lah telah mengikuti kursus City and Guilds dalam Automotive Engineering (tahun ka-dua) dan mempunyai sekurang2nya tiga tahun pengalaman bekerja sa-orang juru mesin kenderaan. Mendapat sokongan yang baik dari majikan2 terdahulu adalah di-perlukan.

- Tugas2:
Kapada Mekanik Tingkatan Khas untuk membantu dalam

tugas2 pemeliharaan biasa dan membaiki semua kenderaan2 RTB. Bertempat di-Bengkel Jalan Dato Ahmad, Juru Mesin juga mungkin dikehendaki bertugas di-tempat2 lain atau semasa Siaran Luar.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan2nya melalui Ketua Jabatan2nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb. Nobember, 1982.

- (E/23/75)
(Bilangan: 309/1982).

Pemandu Kereta di-Jabatan Pelabohan2

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

1. PEMANDU KERETA TINGKAT I

Tangga Gaji:
F. 3-5 EB. 6 — \$430-\$620 sa-bulan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu
- b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah dan

tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kecil.

- c) Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sa-bagai Pemandu Tingkat II sekurang2nya selama 3 tahun.
- d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.
- e) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal di-kawasan Muara.

2. PEMANDU KERETA TINGKAT II

Tangga Gaji:
F. 3-4 EB. 5 — \$430-\$560

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 40 tahun dan hendak-lah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu dan boleh membaiki kerosakan2 kecil
- c) Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan kelas 11

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk di-lantik sa-bagai PEM-BANTU UKOR KAPAL di-Jabatan Laut, Brunei.

Tangga Gaji:
D. 3-4 EB. 5 — \$720-\$1290 sa-bulan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- a) Sijil Kecekapan sa-bagai Master of a Local Trade Ship
- b) Sa-orang chalon mesti-lah telah berkhidmat sa-bagai Serang Tingkat I tidak kurang dari 2 tahun dan mempunyai pengalaman mengendalikan kapal2 yang panjang-nya sa-hingga 100 kaki
- c) Chalon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai kapal2 yang di-bena dari besi-waja dan kayu yang panjang-nya sehingga 100 ka-

ki dan mengenai kelengkapan penyelamat di-dalam kapal dan alat2 pema-dam api

- d) Chalon2 mesti-lah boleh menyediakan laporan2 dan butir2 kerosakan dalam kapal.

Tugas2:

Memeriksa kapal2 kecil dan lanchan2 untuk tujuan pendaftaran dan pengeluaran lesen sa-bagai Bot2 Barang Muatan, Bot2 Menumpang dan Kapal2 Menangkap Ikan. Bertanggung-jawab bagi memastikan bahawa kapal2 yang di-beri lesen itu berkeadaan baik dan di-lengkapi dengan kelengkapan alat penyelamat dan alat2 pemadam api yang sa-wajar-nya mengikut syarat2 yang di-luluskan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan2nya melalui Ketua Jabatan2nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb. Nobember, 1982.

- (E/208/82 — Bil : 308/1982)

KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 15hb. Nobember, 1982 untuk membe-kalkan perkara berikut:

MESIN PEMOTONG RUMPUT

Tawaran2 hendak-lah di-masukkan ka-dalam sampul yang di-tutup rapi dan hendak-lah dengan terang bertulis "TAWARAN BAGI PEMBEKALAN MESIN RUMPUT JABATAN PELAJARAN"

Tawaran2 mesti-lah di-sertai dengan Catalogue bagi jenis mesin serta butir keterangan berkenaan dengan simpanan alat2 gantian.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah sekali atau mana2 tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Brunei sa-hingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 15hb. Nobember, 1982 membekalkan alat2 perabot yang berikut:—

MEJA DAN KERUSI MURID

2. Satu set contoh alat perabot seperti yang di-kehendaki itu boleh di-lihat di-bilik persidangan Jabatan Pelajaran, Brunei pada bila2 masa waktu bekerja.
3. Tawaran2 yang di-terima sa-lepas masa dan tarikh yang

di-tentukan itu tidak akan di-layan.

4. Tawaran2 hendak-lah di-hantar dalam sampul surat yang bertutup dan sudut di-atas sebelah kiri di-tanda dengan berikut:—

TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN MEJA DAN KERUSI MURID, SEKOLAH2 RENDAH, JABATAN PELAJARAN, BRUNEI.

tanpa ada apa2 tanda yang boleh mengenalkan nama syarikat.

5. Syarikat2 hendak-lah menentukan harga unit satu set, nama buatan atau perusahaan dan negeri asal alat2 perabot tersebut di-pesan.

6. Wang chagaran sa-banyak \$100.00 hendak-lah di-bayar kepada Jabatan Pelajaran (Bahagian Kewangan) dan akan di-kembalikan kepada syarikat2 yang tidak berjaya.

7. Tarikh menghantar alat2 perabot sa-lepas pesanan dibuat dan juga harga CIF Setor Jabatan Pelajaran, SM.

8. Pagar Ulak, Bandar Seri Begawan, Brunei hendak-lah di-nyatakan dengan jelas.

8. Alat2 perabot yang di-bekalkan mesti-lah mengikut perukuran (specifications) seperti contoh yang di-kehendaki oleh Jabatan Pelajaran dan tawaran2 yang tidak mematuhi perukuran (specifications) itu akan di-tolak.
9. Kerajaan tidak akan terikat menerima mana2 tawaran atau tawaran2 yang paling rendah.

KENYATAAN TAWARAN

YOUTH CENTRE AND SPORTS COMPLEX KUALA BELAIT PHASE I EARTHWORKS.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—
AKITEK CASSELL
1st Floor, Tang Ching Ying Building, MS. 2
Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

mulai dari hari Isnin 15hb. Nobember hingga jam 4.00 petang hari Rabu 24hb. Nobember 1982.

5. Chagaran tawaran (tender deposit sa-banyak \$1,000.00 (Sa-ribu ringgit sahaja) adalah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kepada semua pemborong2 yang tidak berjaya menghantar tawaran yang berse (bona fide tender).

6. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 adalah di-kehendaki

membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

- a) Pemborong2 itu adalah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki.
- b) Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjukkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan security deposit sebanyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak di-layan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

SUCCESSFUL TENDERS

1. Tender for construction of new bridge over Sg. Senukoh — Central Dev Ltd. — \$1,474,322.50.
2. Tender for extensions to MB and SUK's residences (water supply and water tanks) — Lee Enterprises Co — \$114,591.00 — 3 months.
3. Tender for 960 lft. gabion wall, Sg. Serusop — Hj. Abd. Ghani bin Hj. Tengah — \$188,297.50 5 months.
4. Tender for electrical & lighting installation, Demonstration Platoon Accommodation & General Camp improvement Medicine Lines — Southern Electrical Co — \$14,682.00 — 22 weeks.
5. Tender for 11 boks Class 'G' qtrs, Berakas Camp — Hong Lee Const — \$3,772,624.80 — 10 months.
6. Tender for asphalt plant office for Sg. Liang — Fu Yun Cont — \$123,460 — 7 months.
7. Tender for extension etc. DO's residence, KB — Sh Bing-kasan Enterprise — \$456,836.00 — 5 months.
8. Tender for new alteration etc, PWD Hqtrs, KB — Sh Re-ka Bena Baru — \$200,194.00 — 5 months.
9. Tender for 5 blocks 'G' qtrs, Jalan Bolkih, Seria, for Religious Dept. — Hong Kay Const — \$909,661 — 10 months.
10. Tender for 4 blocks 'F' flat for Religious Dept, Jalan Paduka Tuan, KB — Hong Kay Const — \$1,710,585.00.

Penyampaian Pingat dan Lenchana

Dari muka 1

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar berucap menegaskan demikian sa-belum beliau menyempurnakan majlis penyampaian pingat2, bar2 dan lenchana2 serta sijil kepada anggota2 tertinggi pengakap yang telah diadakan di-Bangunan Persekutuan Pengakap di-Jalan Gadong, pada hari Ahad baru2 ini.

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz menyuarakan supaya sa-chara beransor2 mengkhususkan bidang2 pergerakan yang berasingan antara pengakap di-satu lapangan dan pandu puteri di-lain ketika. Seterusnya beliau menyatakan ada-lah lebih sempurna supaya uniform pandu puteri mula di-fikirkan agar gadis2 Brunei yang menyertai pertubuhan tersebut lebih berpijak di-bumi Brunei dan bukan-nya mencheminkan chara hidup orang lain.

"Saya berharap sa-barang tinjauan dan penilaian semula terhadap pergerakan pengakap dan pandu puteri di-negeri ini hendaklah di-buat supaya akan ujud ranchangan2 yang tersusun dan memberi muna-fa'at kepada negeri dan masyarakat serta sa-imbang dengan keperluan dan identiti keBruneian," seru Yang Amat Berhormat.

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya sa-lanjut-nya menegaskan bahawa tanggung-jawab bagi membentuk masyarakat Brunei tidak-lah semata2 menjadi tugas Kerajaan bakhian ia-nya hendaklah di-pikul oleh semua orang termasuk-lah persatuan2 kebajikan, belia dan pertubuhan2 awam, kerana telah tiba sa-at-nya supaya sa-tiap orang menyertai usaha2 yang di-pelopori oleh kerajaan bagi mencapai kemajuan masyarakat dan pembangunan negara di-atas lunas2 yang berkebajikan serta berteraskan identiti keBruneian.

"Mudah-mudahan-lah pemberian pingat2 itu akan menambah keghairahan pengakap2 sekalian pada menyemarakkan lagi pergerakan pengakap di-negeri Brunei, kerana keinginan untuk melihat pergerakan pengakap dan pandu puteri yang lebih berkesan telah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah DYMM yang mana sa-jauh ini telah menyediakan peruntukan kewangan yang tertentu semata2 pada mengharapakan supaya kegiatan pengakap dan pandu puteri akan bertambah kemas dan mendapat munafaat sa-bagaimana yang di-kehendaki, jelas Yang Amat Berhormat.

Terdahulu dari itu ucapan alu2an telah di-sampaikan oleh Dato Paduka Awang Haji Md Ali bin Haji Daud selaku Penasehat Persekutuan Pengakap Negeri Brunei.

PEMBETULAN

KELUARAN 3hb Nobember, 1982 muka surat 3 keterangan gambar sebelah kanan bawah sekali terdapat sedikit kesilapan. Keterangan gambar tersebut hendaklah di-bacha sa-perti berikut: Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM menyampikan Pingat Jasa Kebaktian kepada Awang Haji Basuni bin Jaafar. Pihak Pengarang meminta maaf atas kesilapan yang tidak di-senghajikan itu.



Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg Abdul Rahman menyampaikan hadiah kepada penuntut terbaik dalam aliran Inggeris, Awg Junaidi bin Haji Abd Rahman.

Sesuaikan diri dengan aspirasi negeri ini

Dari muka 1

an yang tinggi terutama kepada mereka yang mendapat taraf keraayatan negeri ini.

"Ada-lah di-harapkan supaya hakikat dan keadaan akan sentiasa di-hargai dan di-sedari oleh orang2 China terutama mereka yang sudah mencapai taraf sa-bagai raa-yat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan khusus-nya dalam konteks perhubungan2 mereka sa-hari2 dengan masyarakat yang mengelilingi mereka ia-itu orang2 Melayu di-negeri ini," sabda Yang Teramat Mulia.

Yang Teramat Mulia menaruh keyakinan bahawa untuk menyesuaikan diri dengan aspirasi negeri ini, masyarakat

China tidak akan menghadapi kesukasan atau tawar menawar dalam menampakkan tanggung-jawab mereka khusus-nya bagi perkembangan ekonomi negeri ini asalkan ada kemahuan.

"Hakikat dan kenyataan menunjukkan dengan jelas dan nyata bahawa Negeri Brunei Darussalam ini ada-lah sangat berjasa kepada mereka dari segi kemajuan, kemewahan yang sa-lama ini mereka nikmati," sabda Yang Teramat Mulia itu.

Hadhir sama ia-lah TYT Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, YAB Pemangku Menteri Besar, YAM Speaker Majlis Mashuarat Negeri dan lain2 pembesar negara.

Majlis penyampaian hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Setiausaha2 Brunei, pada malam 5hb Nobember, 1982 lepas telah mengadakan satu Majlis Jamuan bagi meraikan Ketua2 bagi Jabatan2 Kerajaan dan Swasta, di-Restoran Rasa Sayang di-sini.

Tetamu Kehormat pada malam itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson juga berkesudian memberikan sedikit ucapan.

Dayang Foo Kui Yang, Yang Dipertua Persatuan itu berkata bahawa tujuan majlis itu di-adakan ia-lah menghormati ketua2 bagi setiausaha2 tersebut, di-samping untuk memperbaikikan apa yang di-fikirkan perlu bagi setiausaha2.

Di-majlis itu juga, di-adakan penyampaian hadiah2 kepada para pemenang Peraduan Menaip yang di-adakan pada bulan Oktober lalu, sempena dengan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-36. Yang mana pemenang pertama telah di-menangi oleh Dyg. Fong Kim Teh, menerima tiket pergi balek ka-Bangkok dari Sharikat Penerbangan Diraja Brunei dan sa-buah Mesin Taip.

Pemenang kedua ia-lah Dyg. Siti Aminah bte Haji

Mohiddin, menerima hadiah dari Sharikat Star Trading And Printing dan pemenang ketiga yang menerima hadiah dari Olivetti ia-lah Dyg. Nor-ela bte Haji Abu Bakar.

Di-samping itu, Sijil2 Kehadiran Baru juga telah di-sampaikan pada malam itu. Dengan yang demikian persatuan tersebut kini mempunyai 36 orang ahli yang terdiri dari setiausaha2 jabatan2 kerajaan dan swasta2.

Achara kemunchak pada malam itu ia-lah satu pertunjukan feshen pakaian dari Feshen Lodge dan pemilehan sa-orang Ketua yang berpakai baik pada malam itu, yang mana Mr Peterson telah di-pilih.

Antara yang hadir di-majlis itu termasuk-lah Mrs. A.C. Watson, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin dan YAM Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah, dan beberapa orang pegawai2 kerajaan.

Pemasangan kabel

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan menjalankan kerja pemasangan kabel menyeberangi Sungai Brunei ia-itu dari Kampong Pengiran Tajuddin Hitam ka-Kampong Lurong Dalam pada hari ini, 10hb. Nobember. Kerja2 tersebut akan mengambil masa sa-lama tiga hari.

Pengguna2 perayeran Sungai Brunei ada-lah di-nasehatkan supaya berhati2 apabila melalui kawasan tersebut.

SAMPAIKAN PENGETAHUAN BERDASARKAN CHARA HIDUP KITA — Pmk S.U.K.

GADONG. — Para guru sekali lagi di-ingatkan supaya menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada murid2 berdasarkan dan berunsurkan kepada chara hidup dan suasana kita sendiri dalam kehidupan kita beradat istiadat, beragama Islam dan bersultan.

Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awg. Haji Mohd. Taib, ketika berucap di-Majlis Konvokesen ka-10 Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah pada hari Sabtu lalu menjelaskan mengenai konsep pengajaran di-sebelah barat, yang mana di-fahamkan sa-bagai konsep yang banyak mengutamakan sistem kebebasan — bebas berfikir, bebas berchakap, bebas menulis dan sa-umama-nya.

Tetapi bagi negara kita, Yang Berhormat itu mengingatkan, kita harus pula memikirkan akan maana kebebasan itu dengan kemajuan dan perkembangan masyarakat dan chara hidup kita di-sini, di-mana dalam kehidupan kita sa-hari2 maseh ujud sifat menghormati orang yang tetua daripada kita, menghormati dan menghargai ibubapa dan taat kepada perintah, sama ada undang2 negara mahu pun hukum2 ugama.

"Tentu-lah tidak sesuai dengan konsep kebebasan penoh itu, di-mana bukan sahaja pada konsep-nya tetapi pada istilah-nya, ia merupakan satu perkara yang asing bagi kita," kata-nya.

Menurut Yang Berhormat, "Jika kanak2 yang di-bangku sekolah itu mula di-ajar dengan kebebasan sepenoh-nya, maka saya yakin bahawa nilai hidup kita yang kita pegang kukoh sa-bagai orang2 Melayu Brunei beragama Islam akan pudar kerana 'expectation' mereka dalam kehidupan ini akan berubah chorak."

Dengan sebab itu, Yang Berhormat itu menambahkan, ada-lah perlu bagi kanak2 itu di-pimpin dan di-tegor oleh sa-seorang, tegas-nya golongan guru yang benar2 yakin akan hakikat kehidupan ini dan berupaya serta berkebolehan untuk menunaikan tanggung-jawab yang di-bebankan oleh masyarakat kepada mereka.

Berucap di-majlis yang berlangsung di-Dewan Jubli Perak Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah di-sini, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan sa-terusnya mengingatkan, supaya go-

longan guru tidak memasoki bidang perguruan hanya sa-bagai jalan senang mendapatkan pekerjaan, tanpa 'motivation' atau kemahuan untuk berusaha sa-bagaimana yang di-perlukan oleh negara.

"Guru2 bukan sahaja di-pertanggung-jawabkan untuk memberi pengetahuan atau tunjuk ajar kepada murid2, tetapi lebih daripada itu, guru2 ada-lah juga perlu untuk membimbing murid2 supaya bertata-tertib, berdisiplin dan perlu juga membimbing murid dalam chara berfikir, memperkukuhkan watak dan keperibadian," ujar-nya lagi.

Malah bukan itu sahaja, jelas Yang Berhormat, para guru juga di-harapkan supaya akan dapat membantu Kerajaan dalam usaha-nya untuk mendapatkan penuntut2 yang cenderung dan suka mencheborkan diri dalam pengajian sains dan teknologi, yang mana tenaga sa-demikian sangat2 di-perlukan oleh negara.

"Sa-tiap raayat harus di-latih dan di-beri kepandaian atau 'skill' bagi membolehkan ia menyumbangkan tenaga-nya dalam bidang2 yang kita perlukan di-waktu2 yang akan datang, untuk menentukan kesejahteraan dan keselamatan negara kita dan keturunan kita yang akan datang nanti," tegas Yang Berhormat.

Dan apa yang sa-benar-nya di-harapkan, tegas-nya lagi, ia-lah sahutan positif daripada penuntut2 supaya lebih giat dan lebih ramai mengikut lapang2 sains dan teknologi di-mana tenaga2 mereka dalam bidang ini sangat2 di-perlukan dalam memenohi kehendak2 negara pada masa hadapan.

Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan itu selanjut-nya berkata, walau bagaimanapun, maseh terdapat banyak penuntut2 malah ibubapa dan penjaga mereka yang memandang tinggi akan pekerjaan yang di-gelarkan sa-bagai pekerjaan 'koller puteh'.

Yang demikian, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan mengingatkan bahawa tidak-lah sa-mesti-nya pekerjaan yang di-lumori dengan minyak atau tanah itu akan menghasilkan pendapatan yang jauh lebih rendah daripada bertugas di-dalam pejabat, sama ada firma atau pun jabatan awam.

"Wastage atau pun kechichiran tenaga saperti mana yang telah saya nyatakan tidak jauh berkurangan sekiranya kita tidak mengubah sikap dan pandangan terhadap pekerjaan2 yang mana sama penting-nya, malah ada kalanya lebih penting daripada kerja2 di-pejabat ini," Yang Berhormat itu menjelaskan.

Kata-nya, negeri kita maseh bergantung pada perkhidmatan tenaga luar negeri, dan perkara ini tidak-lah seharusnya di-biarkan terus berlarutan kerana dari sejarah memahami bahawa perkembangan sa-buah negara itu perlu di-ikuti dan di-sertai oleh raayat-nya sendiri yang mana akan dapat menghargai usaha mereka dalam menentukan kewujudan, kemakmoran dan kebahagiaan masyarakat tersebut dan jenerasi yang akan datang.

Yang demikian, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan menyeru guru2, ibubapa dan sekalian yang berniat dalam bidang tersebut supaya akan dapat sama2 berfikir menchari jalan bagi menghasilkan tenaga manusia tempatan di-dalam aliran sa-

ins dan teknologi akan terchapai.

Turut berucap di-majlis tersebut ia-lah Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Selamat bin Munap dan menyampaikan ucapan alu2an ia-lah Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah, Awang Umar bin Haji Ahai.

Sa-ramai 180 orang guru2 lepasan maktab tersebut yang mengikut kursus aliran Melayu dan Inggeris untuk sekolah2 menengah bawah, sekolah2 rendah dan pra-sekolah telah menerima sijil. Juga bersama2 menerima sijil pada hari itu ia-lah empat orang Penolong Pengajar Teknikal yang berjaya mengikut kursus dalam perkhidmatan sa-lama dua tahun.

Hadiah penuntut terbaik dalam aliran Inggeris telah disandang oleh Awang Junaidi bin Haji Abdul Rahman, manakala terbaik dalam aliran Melayu ia-lah Dayang Ajijah bte Jamudin. — AP

P'jaya Brunei di-Singapura



Awg Haji Mohd Kassim.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah mengornikan perkenan bahawa Pejabat Wakil Kerajaan Brunei di-Singapura di-naikkan taraf menjadi Surohanjaya Brunei mulai 1hb September, 1982.

Berikutan dengan pertukaran itu, Baginda juga telah berkenan melantik Awang Haji Mohd Kassim bin Haji Mohd Daud sa-bagai Pesuruhjaya Brunei mulai dari 1hb September, 1982.

Ujian pemilehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan mempelawa orang ramai yang terdiri dari warga-negara Brunei untuk mendaftar bagi mengikuti ujian dan pemilehan bagi pasukan lumba perahu kebangsaan Brunei ka-Pertandingan Lumba Perahu Naga Antarabangsa di-Singapura dalam bulan Jun tahun depan.

Borang2 permohonan dan sharat2 penyertaan sekarang boleh di-dapati dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-seluruh negeri. Borang2 juga boleh di-dapati dari Awg Haji Sulaiman bin Mohamad, Jabatan Bomba, Awg Haji Salleh bin Haji Laidin, Jabatan Laut dan Awg Adinin bin Haji Myalin, Jabatan Kerja Raya. Borang2 yang telah di-isikan hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 30hb Nobember, 1982.